

DATED THIS
BERTARIKH PADA

DAY OF

20

BETWEEN/*ANTARA*

(NAME/*NAMA*)

(NRIC NO./ *NO. KAD PENGENALAN*)

("the Settlor"/*"Penderma"*)

AND/ *DAN*

AMANAH RAYA BERHAD

(Company No./ *No. Syarikat* 199501015784/344986-V)

("the Trustee"/*"Pemegang Amanah"*)

TRUST DEED

SURAT IKATAN AMANAH

(Gen Sinar Policy No. / *No. Polisi Gen Sinar*)

AMANAH RAYA

Level 57, Vista Tower, The Intermark

No. 348 Jalan Tun Razak

50400 Kuala Lumpur.

Tel: 03-20557388

THIS TRUST DEED is made on the day and year stated in **Section 1 of SCHEDULE 1** by the party whose name and description are stated in **Section 2 of SCHEDULE 1** being an individual of full age and sound mind (hereinafter referred to as "**the Settlor**") to **AMANAHA RAYA BERHAD [Company No. 199501015784 (344986-V)]**, a company incorporated in Malaysia and having its registered address at Level 34, Vista Tower, The Intermark, 348, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur and its business address as described in **Section 3 of SCHEDULE 1** (hereinafter referred to as "**the Trustee**").

*SURAT IKATAN AMANAH INI dibuat pada hari dan tahun yang dinyatakan dalam Seksyen 1 Jadual 1 oleh pihak yang nama dan keterangannya dinyatakan dalam Seksyen 2 Jadual 1 yang merupakan seorang individu yang cukup umur dan sempurna akal (selepas ini dirujuk sebagai "**Penderma**") kepada AMANAHA RAYA BERHAD [No. Syarikat 199501015784 (344986-V)], sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai alamat berdaftar di Aras 34, Vista Tower, The Intermark, 348, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur serta alamat perniagaannya sebagaimana dihuraikan dalam Seksyen 3 Jadual 1 (selepas ini dirujuk sebagai "**Pemegang Amanah**").*

The Settlor and the Trustee shall hereinafter collectively be referred to as 'Parties' and individually as 'Party'.

Penderma dan Pemegang Amanah selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai "Pihak-Pihak" dan secara individu sebagai "Pihak".

WHEREAS:-

BAHAWASANYA:-

- A. The Trustee is the public trustee of Malaysia that provides and offers the services of preparation, custody and execution of will, trusteeship and legacy management services to the public at large.

Pemegang Amanah ialah pemegang amanah awam Malaysia yang menyediakan dan menawarkan perkhidmatan penyediaan, jagaan dan pelaksanaan wasiat, pemegangan amanah dan perkhidmatan pengurusan legasi kepada orang awam

- B. The Settlor is the policyholder and insured person of Gen Sinar Personal Accident insurance policy, the particulars of which are as stated in **Section 4 of Schedule 1** issued by Generali Insurance Malaysia Berhad (Company Reg. No.:197501002042 (23820-W)), a company incorporated in Malaysia and having its registered address Level 31, Menara Generali, 27, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur. A copy of the policy is appended as **Annexure A**.

*Penderma ialah pemegang polisi dan orang yang diinsuranskan bagi polisi insurans Kemalangan Diri Gen Sinar, butir-butirnya adalah sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 4 Jadual 1, yang diisu oleh Generali Insurance Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat: 197501002042 (23820-W)), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai alamat berdaftar di Aras 31, Menara Generali, 27, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur. Sesalinan polisi tersebut dilampirkan sebagai **Lampiran A**.*

- C. By an Absolute Assignment Form (appended as **Annexure B**), the Settlor has absolutely, irrevocably and unconditionally assigned to the Trustee as the assignee, to be held by the Trustee upon trusts declared in this Trust Deed all rights, title, interest and benefits under section 3 of the Policy (as herein defined) identified as **Education Allowance Benefit** for the sum as specified under **Section 5 of Schedule 1** to the Trustee, in accordance with the terms stated therein.

*Melalui suatu Borang Penyerahhakan Mutlak (dilampirkan sebagai **Lampiran B**), Penderma telah secara mutlak, tidak boleh dibatalkan dan tanpa syarat menyerahhakkan kepada Pemegang Amanah sebagai penerima serah hak, untuk dipegang oleh Pemegang Amanah atas amanah yang diisytiharkan dalam Surat Ikatan Amanah ini, segala hak, milik, kepentingan dan manfaat di bawah seksyen 3 Polisi (sebagaimana ditakrifkan dalam ini) yang dikenal pasti sebagai **Manfaat Elaun Pendidikan** bagi jumlah sebagaimana dinyatakan dalam **Seksyen 5 Jadual 1** kepada Pemegang Amanah, selaras dengan terma-terma yang dinyatakan di dalamnya.*

Settlor's initials/Parap Penderma: _____

- D. The Parties acknowledge that the Education Allowance Benefit assigned to the Trustee, which constitutes the Trust Asset (as defined herein), shall become payable subject to **Clause 4** below. Upon receipt of the value of such benefit, the Trustee shall hold the same on trust for the benefit of the Beneficiaries (as defined herein) in accordance with the terms of this Trust Deed.

*Pihak-Pihak mengakui bahawa Manfaat Elaun Pendidikan yang diserahkan kepada Pemegang Amanah, yang membentuk Aset Amanah (sebagaimana ditakrifkan dalam ini), hendaklah menjadi kena dibayar tertakluk kepada **Klausu 4** di bawah. Setelah menerima nilai manfaat tersebut, Pemegang Amanah hendaklah memegang manfaat tersebut atas amanah bagi faedah Benefisiari (sebagaimana ditakrifkan dalam ini) menurut terma-terma Surat Ikatan Amanah ini.*

- E. The Settlor is desirous to appoint the Trustee as trustee of the trust and the Trustee hereby agrees to accept the appointment subject to terms and conditions stated in this Trust Deed.

Penderma berhasrat untuk melantik Pemegang Amanah sebagai pemegang amanah bagi amanah ini dan Pemegang Amanah dengan ini bersetuju menerima pelantikan tersebut tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam Surat Ikatan Amanah ini.

NOW THIS DEED WITNESSETH as follows :-

MAKA SURAT IKATAN INI MENYAKSIKAN seperti berikut:-

1. DEFINITIONS AND INTERPRETATIONS

DEFINISI DAN TAFSIRAN

- 1.1 In this Trust Deed, unless the context otherwise requires, the following expressions shall have the following meanings:

Dalam Surat Ikatan Amanah ini, melainkan konteks menghendaki makna yang lain, ungkapan-ungkapan berikut hendaklah mempunyai makna yang berikut:

“Absolute Assignment” means the absolute, irrevocable and unconditional assignment by the Settlor to the Trustee of all rights, title, interest and benefits in and to the Education Allowance Benefit under the Policy, as evidenced by the absolute assignment form set out in **Annexure B**; **“Penyerahhakan Mutlak”** bermaksud penyerahhakan mutlak, tidak boleh dibatalkan dan tanpa syarat oleh Penderma kepada Pemegang Amanah bagi segala hak, milik, kepentingan dan faedah dalam dan ke atas Manfaat Elaun Pendidikan di bawah Polisi, sebagaimana dibuktikan oleh borang penyerahhakan mutlak yang dilampirkan sebagai **Lampiran B**;

“Beneficiaries” means:

“Benefisiari” bermaksud:

- (a) the legitimate children of the Settlor; and
anak-anak sah taraf Penderma; dan
- (b) any child adopted pursuant to the Adoption Act 1952, the Adoption Ordinance Sabah 1960 (Sabah No. 23 of 1960) or the Adoption Ordinance 1958 (Sarawak Cap. 91), including any child so adopted after the execution of this Trust Deed; and
mana-mana anak angkat yang pengangkatannya dibuat menurut Akta Pengangkatan 1952, Ordinan Pengangkatan Sabah 1960 (Sabah No. 23 Tahun 1960) atau Ordinan Pengangkatan 1958 (Sarawak Bab 91), termasuk mana-mana anak yang diangkat sedemikian selepas pelaksanaan Surat Ikatan Amanah ini; dan

Settlor's initials/Parap Penderma: _____

- (c) at the occurrence of Trigger Event, at least one (1) child must have attained the age of thirty (30) days but not attained the age of eighteen (18) years.
pada tarikh Peristiwa Cetusan, sekurang-kurangnya satu (1) anak mestilah telah mencapai umur tiga puluh (30) hari tetapi belum mencapai umur lapan belas (18) tahun.

"Business Day" means a day (other than weekends and public holidays) on which licensed banks are open for business in Kuala Lumpur, irrespective of whether such day is a public holiday in any other jurisdiction;

"Hari Berkerja" bermaksud suatu hari (selain hujung minggu dan cuti umum) yang padanya bank-bank berlesen dibuka untuk urusan perniagaan di Kuala Lumpur, tanpa mengira sama ada hari tersebut merupakan cuti umum di mana-mana bidang kuasa lain;

"Cessation Event" means, in relation to a Beneficiary, the event as described in **Clause 9.6**;

"Peristiwa Pemberhentian" bermaksud, berhubung dengan seseorang Benefisiari, peristiwa sebagaimana diuraikan dalam **Klausula 9.6**;

"Claimant" means the person(s) entitled to submit and/or file a claim for the Education Allowance Benefit under the Policy to Generali, namely the Settlor, the nominee(s) designated under the Policy, or the next of kin of the Settlor;

"Penuntut" bermaksud orang yang berhak untuk mengemukakan dan/atau memfailkan tuntutan bagi Manfaat Elaun Pendidikan di bawah Polisi kepada Generali, iaitu Penderma, penama-penama yang ditetapkan di bawah Polisi, atau ahli keluarga terdekat Penderma;

"Court" means any court in Malaysia having competent jurisdiction to hear and decide the matter on hand;

"Mahkamah" bermaksud mana-mana mahkamah di Malaysia yang mempunyai bidang kuasa kompeten untuk mendengar dan memutuskan perkara yang berbangkit;

"Education Allowance Benefit" or **"Trust Asset"** means the benefit as specified in **Section 5 of Schedule 1** which is payable under the Policy pursuant to the Absolute Assignment;

"Manfaat Elaun Pendidikan" atau **"Aset Amanah"** bermaksud manfaat sebagaimana dinyatakan dalam **Seksyen 5 Jadual 1** yang kena dibayar di bawah Polisi menurut Penyerahhakan Mutlak.

"Fees" means the professional fees payable to the Trustee in accordance with **Clause 16.1**;

"Fi" bermaksud fi profesional yang kena dibayar kepada Pemegang Amanah menurut **Klausula 16.1**;

"Final Distribution" means the distribution by the Trustee of the balance of the Trust Fund (if any) within **sixty (60) days** following the Ultimate Date, in accordance with **Clause 9.11**, after the determination of the entitled recipient(s) as at the Ultimate Date. For the avoidance of doubt:

"Pembahagian Akhir" bermaksud agihan oleh Pemegang Amanah bagi baki Dana Amanah (jika ada) dalam tempoh **enam puluh (60) hari** selepas Tarikh Muktamad, menurut **Klausula 9.11**, selepas penentuan penerima yang berhak setakat Tarikh Muktamad. Bagi mengelakkan keraguan:

- (a) only Beneficiaries (or the Settlor, where applicable) who are alive as at the Ultimate Date shall be entitled to benefit, and any person who dies prior to the Ultimate Date shall be treated as having no entitlement; and
hanya Benefisiari (atau Penderma, jika berkenaan) yang masih hidup pada Tarikh Muktamad berhak untuk menerima manfaat, dan mana-mana orang yang meninggal dunia sebelum Tarikh Muktamad hendaklah dianggap sebagai tidak mempunyai apa-apa kelayakan; dan

Settlor's initials/Parap Penderma: _____

- (b) once entitlement has been determined as at the Ultimate Date, such entitlement shall vest in the relevant Beneficiary or the Settlor (as the case may be), and if such person dies after the Ultimate Date but before actual payment is made, such entitlement shall form part of his estate, subject to the personal representative producing to the Trustee a certified true copy of the grant of representation.
sebaik sahaja kelayakan ditentukan pada Tarikh Muktamad, kelayakan tersebut hendaklah terletak hak pada Benefisiari yang berkenaan atau Penderma (mengikut mana-mana yang berkenaan), dan jika orang tersebut meninggal dunia selepas Tarikh Muktamad tetapi sebelum bayaran sebenar dibuat, kelayakan tersebut hendaklah menjadi sebahagian daripada harta pusakanya, tertakluk kepada wakil peribadi mengemukakan kepada Pemegang Amanah salinan geran representasi yang diperakui sah.

"Generali" means Generali Insurance Malaysia Berhad (Company Reg. No. 197501002042 (23820-W) with registered address at Level 31, Menara Generali, 27, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur;

"Generali" bermaksud Generali Insurance Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat 197501002042 (23820-W)) yang mempunyai alamat berdaftar di Aras 31, Menara Generali, 27, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur;

"Generali's Notice" means any written notification issued by Generali to the Trustee regarding the status of the Policy, including but not limited to lapse, cancellation, non-renewal, revival or reinstatement;

"Notis Generali" bermaksud apa-apa notis bertulis yang dikeluarkan oleh Generali kepada Pemegang Amanah berhubung dengan status Polisi, termasuk tetapi tidak terhad kepada luput, pembatalan, tidak diperbaharui, dihidupkan semula atau dikuatkuasakan semula;

"Guardian" means the person nominated by the Settlor in **Section 7 of Schedule 1**, or in the absence or failure thereof, such other person having lawful care and actual custody of a Beneficiary, whether by operation of law or order of the Court;

"Penjaga" bermaksud orang yang dinominasikan oleh Penderma dalam Seksyen 7 Jadual 1, atau sekiranya tiada atau gagal berbuat demikian, mana-mana orang lain yang mempunyai jagaan yang sah dan penjagaan sebenar ke atas seseorang Benefisiari, sama ada melalui kuat kuasa undang-undang atau perintah Mahkamah;

"Incapacitated Beneficiary" means a Beneficiary who in the opinion of a Physician is unable, whether temporarily or permanently and by reason of mental or physical condition, to manage his own affairs or make informed decisions regarding his own welfare.

"Benefisiari Tak Berkeupayaan" bermaksud seseorang Benefisiari yang pada pendapat seorang Pakar Perubatan tidak berupaya, sama ada buat sementara atau kekal dan disebabkan keadaan mental atau fizikal, untuk mengurus hal ehwalnya sendiri atau membuat keputusan termaklum berhubung kebajikannya sendiri.

"Monthly Payment" means the fixed monthly sum as specified in **Section 6 of Schedule 1** which is payable to or for the benefit of an eligible Beneficiary, subject to the terms of this Trust Deed;

"Bayaran Bulanan" bermaksud jumlah bulanan tetap sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 6 Jadual 1 yang kena dibayar kepada atau bagi manfaat seseorang Benefisiari yang layak, tertakluk kepada terma-terma Surat Ikatan Amanah ini;

"Physician" means a medical practitioner who:-

"Pakar Perubatan" bermaksud seorang pengamal perubatan yang:-

- (a) holds a recognised medical degree;
memegang ijazah perubatan yang diiktiraf;

Settlor's initials/Parap Penderma: _____

- (b) is duly registered and holds a valid practising certificate to practise western medicine in Malaysia under the Medical Act 1971;
didaftarkan dengan sewajarnya dan memegang sijil amalan yang sah untuk mengamal perubatan barat di Malaysia di bawah Akta Perubatan 1971;
- (c) in providing any diagnosis, opinion or treatment, acts within the scope of his qualifications, training and licensing; and
dalam memberikan apa-apa diagnosis, pendapat atau rawatan, bertindak dalam skop kelayakan, latihan dan pelesenannya; dan
- (d) is independent of the Settlor, being a person who has no familial relationship with, and no material personal or financial interest in relation to, the Settlor.
adalah bebas daripada Penderma, iaitu seorang yang tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan, dan tiada kepentingan peribadi atau kewangan yang material berhubung dengan, Penderma.

"Policy" means the Gen Sinar Personal Accident insurance policy issued by Generali to the Settlor as specified in **Section 4 of Schedule 1**;

"Polisi" bermaksud polisi insurans Kemalangan Diri Gen Sinar yang diisu oleh Generali kepada Penderma sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 4 Jadual 1;

"Profit Distribution" means any profit, return, gain, income or other amount received or derived from the investment or placement of the Trust Fund by the Trustee, including any distribution declared by any fund, account or investment in which the Trust Fund is placed.

"Agihan Keuntungan" bermaksud apa-apa keuntungan, pulangan, laba, pendapatan atau jumlah lain yang diterima atau diperolehi daripada pelaburan atau penempatan Dana Amanah oleh Pemegang Amanah, termasuk apa-apa agihan yang diisytiharkan oleh mana-mana dana, akaun atau pelaburan yang padanya Dana Amanah ditempatkan.

"School" means any recognised, registered, approved or regulated educational institution within Malaysia forming part of the National Education System under the Education Act 1996 (Act 550) and providing formal education comprising primary, secondary, post-secondary, preparatory or higher education, and includes:-

"Sekolah" bermaksud mana-mana institusi pendidikan dalam Malaysia yang diiktiraf, didaftarkan, diluluskan atau dikawal selia, yang membentuk sebahagian daripada Sistem Pendidikan Kebangsaan di bawah Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan menyediakan pendidikan formal yang merangkumi pendidikan rendah, menengah, pasca-menengah, persediaan atau pendidikan tinggi, dan termasuk:-

- (a) National Schools, Vernacular Schools, Religious Stream Schools, Vocational or Technical Colleges;
Sekolah Kebangsaan, Sekolah Vernakular, Sekolah Aliran Agama, Kolej Vokasional atau Teknikal;
- (b) any special school or institution catering to students with special educational needs;
mana-mana sekolah atau institusi khas yang memenuhi keperluan pelajar dengan keperluan pendidikan khas;
- (c) private primary and secondary schools following the national curriculum or the Unified Examination Certificate (UEC); and
sekolah rendah dan menengah swasta yang mengikuti kurikulum kebangsaan atau Sijil Peperiksaan Bersama (UEC); dan

Settlor's initials/Parap Penderma: _____

- (d) matriculation colleges, Form 6 centres, colleges, universities and other preparatory or higher educational institutions, whether public or private, regulated by the Government of Malaysia or relevant regulatory authorities;
kolej matrikulasi, Tingkatan 6, kolej, universiti dan institusi pendidikan persediaan atau pendidikan tinggi yang lain, sama ada awam atau swasta, yang dikawal selia oleh Kerajaan Malaysia atau pihak berkuasa kawal selia yang berkenaan;

but expressly excludes home-schooling, expatriate schools, international schools, pre-schools, nurseries, kindergartens, tuition centres, and any institution established primarily for custodial, welfare or rehabilitative purposes under the Child Act 2001 (Act 611) or any similar written law.
tetapi dengan nyata mengecualikan persekolahan-dirumah, sekolah ekspatriat, sekolah antarabangsa, prasekolah, taska, tadika, pusat tuisyen, dan mana-mana institusi yang ditubuhkan terutamanya bagi maksud jagaan, kebajikan atau pemulihan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) atau mana-mana undang-undang bertulis seumpamanya

"Termination Event" means the occurrence of any one of the following events, whichever occurs first:-

"Peristiwa Penamatan" bermaksud berlakunya mana-mana satu daripada peristiwa-peristiwa berikut, yang mana berlaku terlebih dahulu:-

- (a) the date on which the claim filed or submitted by the Claimant for the Education Allowance Benefit under the Policy is rejected, declined or not approved by Generali for any reason whatsoever, including but not limited to the following:-
tarikh tuntutan yang difailkan atau dikemukakan oleh Penuntut bagi Manfaat Elaun Pendidikan di bawah Polisi ditolak, tidak diterima atau tidak diluluskan oleh Generali atas apa jua sebab sekalipun, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:-
- (i) there is no Beneficiary in existence upon the occurrence of the Trigger Event; or
tiada Benefisiari yang wujud pada masa berlakunya Peristiwa Pencetus; atau
- (ii) the claim is filed or submitted outside the time permitted under the Policy, or the claim and/or any appeal, review or reconsideration in relation thereto is rejected, declined or not approved by Generali;
tuntutan difailkan atau dikemukakan di luar tempoh masa yang dibenarkan di bawah Polisi, atau tuntutan itu dan/atau apa-apa rayuan, semakan atau pertimbangan semula berhubung dengannya ditolak, tidak diterima atau tidak diluluskan oleh Generali;
- (b) the full depletion of the Trust Fund or its reduction to an amount which, in the opinion of the Trustee, is insufficient to justify further administration; or
penyusutan penuh Dana Amanah atau pengurangannya kepada suatu jumlah yang, pada pendapat Pemegang Amanah, tidak mencukupi untuk mewajarkan pentadbiran selanjutnya; atau
- (c) where there is a remaining balance in the Trust Fund and:-
jika terdapat baki yang tinggal dalam Dana Amanah dan:-
- (i) the youngest surviving Beneficiary attaining the age of eighteen (18) years; or
Benefisiari termuda yang masih hidup mencapai umur lapan belas (18) tahun; atau
- (ii) no Beneficiary surviving to attain the age of eighteen (18) years.
tiada Benefisiari yang hidup sehingga mencapai umur lapan belas (18) tahun.

Settlor's initials/Parap Penderma: _____

"Trigger Event" means the occurrence of accidental death or 100% of sum insured payout for accidental permanent disablement of the Settlor;

"Peristiwa Pencetus" bermaksud berlakunya kematian akibat kemalangan atau bayaran 100% jumlah diinsuranskan bagi hilang upaya kekal akibat kemalangan oleh Penderma;"

"Trust" means the trust constituted by this Trust Deed, which shall be constituted upon execution of this Trust Deed, provided that the Trustee shall have no active duties until receipt of the Trust Asset;

"Amanah" bermaksud amanah yang dibentuk oleh Surat Ikatan Amanah ini, yang diwujudkan apabila Surat Ikatan Amanah ini ditandatangani, dengan syarat Pemegang Amanah tidak mempunyai tugas aktif sehingga penerimaan Aset Amanah;

"Trust Deed" means this trust deed together with its schedules, annexures and any amendments made in accordance with its terms;

"Surat Ikatan Amanah" bermaksud surat ikatan amanah ini bersama jadual-jadual, lampiran-lampiran dan apa-apa pindaan yang dibuat menurut terma-terma dokumen ini;

"Trust Fund" means the sum specified in **Section 5 of Schedule 1** payable under the Policy together with any Profit Distribution;

"Dana Amanah" bermaksud jumlah yang dinyatakan dalam **Seksyen 5 Jadual 1** yang kena dibayar di bawah Polisi bersama-sama dengan apa-apa Agihan Keuntungan;

"Trust Period" means the period commencing from the receipt of the Trust Asset and ending upon the occurrence of the Termination Event;

"Tempoh Amanah" bermaksud tempoh yang bermula dari penerimaan Aset Amanah dan berakhir apabila berlakunya Peristiwa Penamatan;

"Ultimate Date" means the date falling **thirty (30) days** after the Termination Event.

"Tarikh Muktamad" bermaksud tarikh yang jatuh **tiga puluh (30) hari** selepas Peristiwa Penamatan.

- 1.2 Unless the context otherwise requires, words importing one gender include all genders.
Melainkan konteks menghendaki makna yang lain, perkataan yang merujuk kepada satu jantina hendaklah termasuk semua jantina.
- 1.3 Unless the context otherwise requires, words importing the singular include the plural and vice versa.
Melainkan konteks menghendaki makna yang lain, perkataan yang merujuk kepada bentuk tunggal hendaklah termasuk bentuk jamak dan sebaliknya.
- 1.4 References to a person include an individual, corporation, partnership, statutory body or any other legal entity.
Rujukan kepada seseorang termasuk seorang individu, perbadanan, perkongsian, badan berkanun atau mana-mana entiti undang-undang lain.
- 1.5 Any reference to a recital, clause, sub-clause, paragraph or sub-paragraph is a reference to the corresponding provision of this Trust Deed unless otherwise stated.
Apa-apa rujukan kepada mukadimah, klausa, sub-klausa, perenggan atau sub-perenggan ialah rujukan kepada peruntukan yang sepadan dalam Surat Ikatan Amanah ini melainkan dinyatakan sebaliknya.
- 1.6 The headings and sub-headings in this Trust Deed are for convenience only and shall not affect its interpretation.
Tajuk-tajuk dan sub-tajuk dalam Surat Ikatan Amanah ini adalah bagi kemudahan sahaja dan tidak menjejaskan pentafsirannya.

Settlor's initials/Parap Penderma: _____

- 1.7 References to any statute include that statute as amended, modified, re-enacted or consolidated from time to time and any subsidiary legislation made thereunder.
Rujukan kepada mana-mana statut termasuk statut tersebut sebagaimana dipinda, diubah suai, digubal semula atau disatukan dari semasa ke semasa serta apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya.
- 1.8 The Schedules and appendices form an integral part of this Trust Deed and shall be read and construed accordingly. In the event of any inconsistency between the provisions of this Trust Deed and the Schedules or appendices, the provisions of this Trust Deed shall prevail unless expressly stated otherwise.
Jadual-Jadual dan lampiran-lampiran membentuk bahagian yang tidak terpisah daripada Surat Ikatan Amanah ini dan hendaklah dibaca dan ditafsirkan sewajarnya. Sekiranya terdapat apa-apa ketidakselarasan antara peruntukan-peruntukan Surat Ikatan Amanah ini dengan Jadual-Jadual atau lampiran-lampiran, peruntukan-peruntukan Surat Ikatan Amanah ini hendaklah mengatasi melainkan dinyatakan dengan nyata sebaliknya.
- 1.9 Unless otherwise expressly provided, any reference to a period of days shall mean calendar days.
Melainkan diperuntukkan secara nyata sebaliknya, apa-apa rujukan kepada suatu tempoh hari hendaklah bermaksud hari kalendar.
- 1.10 If any day on or by which any act is required to be done or any payment is required to be made is not a business day in Malaysia, such act shall be done or payment made on the next business day.
Jika mana-mana hari yang padanya atau sebelum itu apa-apa tindakan dikehendaki dilakukan atau apa-apa bayaran dikehendaki dibuat bukan suatu hari perniagaan di Malaysia, tindakan tersebut hendaklah dilakukan atau bayaran dibuat pada hari perniagaan berikutnya.
- 1.11 Any reference to a month shall mean a calendar month.
Apa-apa rujukan kepada sebulan hendaklah bermaksud bulan kalendar.

2. APPOINTMENT OF TRUSTEE*PELANTIKAN PEMEGANG AMANAH*

The Settlor hereby appoints the Trustee as the sole trustee and the Trustee hereby accepts the appointment to keep, manage, administer and hold the Trust subject to the powers and provisions set out in this Trust Deed for the benefit of the Beneficiaries.

Penderma dengan ini melantik Pemegang Amanah sebagai pemegang amanah tunggal dan Pemegang Amanah dengan ini menerima pelantikan tersebut untuk menyimpan, mengurus, mentadbir dan memegang Amanah tertakluk kepada kuasa-kuasa dan peruntukan-peruntukan yang dinyatakan dalam Surat Ikatan Amanah ini bagi manfaat Benefisiari.

3. PURPOSE*TUJUAN*

- 3.1 The purpose of this Trust is to ensure that the Education Allowance Benefit payable under the Policy upon the occurrence of the Trigger Event is held, managed and applied by the Trustee for the benefit of the Beneficiaries in accordance with the terms of this Trust Deed.
Tujuan Amanah ini adalah untuk memastikan bahawa Manfaat Elaun Pendidikan yang kena dibayar di bawah Polisi apabila berlakunya Peristiwa Pencetus dipegang, diuruskan dan digunakan oleh Pemegang Amanah bagi faedah Benefisiari menurut terma-terma Surat Ikatan Amanah ini.
- 3.2 The Parties acknowledge and agree that the Absolute Assignment of the Education Allowance Benefit to the Trustee is a fundamental precondition to the operation of this Trust.
Pihak-Pihak mengakui dan bersetuju bahawa Penyerahhakan Mutlak bagi Manfaat Elaun Pendidikan kepada Pemegang Amanah merupakan prasyarat asas kepada pengoperasian Amanah ini.

Settlor's initials/Parap Penderma: _____

3.3 Without prejudice to the generality of **Clause 3.1**, this Trust is established to provide financial support towards the education of the Beneficiaries through structured and controlled disbursements, subject to the eligibility criteria and conditions set out in this Trust Deed.

*Tanpa menjejaskan keluasan **Klausula 3.1**, Amanah ini diwujudkan untuk menyediakan sokongan kewangan terhadap pendidikan Benefisiari melalui pembayaran yang berstruktur dan terkawal, tertakluk kepada kriteria kelayakan dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Surat Ikatan Amanah ini.*

3.4 The Trustee shall have regard to the purpose of this Trust in exercising its powers and discretions under this Trust Deed but shall not be bound to ensure that any particular outcome is achieved.

Pemegang Amanah hendaklah mengambil kira tujuan Amanah ini dalam melaksanakan kuasa-kuasa dan budi bicaranya di bawah Surat Ikatan Amanah ini tetapi tidak terikat untuk memastikan bahawa apa-apa hasil tertentu dicapai.

3.5 Until the occurrence of a Trigger Event, the Trustee shall hold all rights, title, interest and benefits in and to the Education Allowance Benefit under the Policy upon trust for the Settlor and shall have no active duties in respect thereof until receipt of the Trust Asset and thereafter, the Trustee shall manage and distribute the Trust in accordance with the terms of this Trust Deed.

Sehingga berlakunya Peristiwa Pencetus, Pemegang Amanah hendaklah memegang semua hak, hakmilik, kepentingan dan faedah dalam dan ke atas Manfaat Elaun Pendidikan di bawah Polisi atas amanah bagi Penderma dan tidak mempunyai apa-apa tugas aktif berhubung dengannya sehingga penerimaan Aset Amanah dan selepas itu, Pemegang Amanah hendaklah mengurus dan mengagihkan Amanah menurut terma-terma Surat Ikatan Amanah ini.

4. PAYMENT OF EDUCATION ALLOWANCE BENEFIT AND ADMINISTRATION OF THE TRUST FUND

PEMBAYARAN MANFAAT ELAUN PENDIDIKAN DAN PENTADBIRAN DANA AMANAH

4.1 Upon the occurrence of the Trigger Event and subject to the non-occurrence of a Termination Event, the proceeds of the Trust Asset in the amount specified in **Section 5 of Schedule 1** shall be paid to the Trustee by Generali only upon the satisfaction of the following conditions that have been notified to the Settlor by Generali:-

*Apabila berlakunya Peristiwa Pencetus dan tertakluk kepada tidak berlakunya Peristiwa Penamatan, hasil Aset Amanah dalam jumlah yang dinyatakan dalam **Seksyen 5 Jadual 1** hendaklah dibayar kepada Pemegang Amanah oleh Generali hanya setelah syarat-syarat berikut yang telah dimaklumkan kepada Penderma oleh Generali dipenuhi:-*

(a) a Claimant filing or submitting a claim for the Education Allowance Benefit having satisfied the terms and conditions of the Policy and the approval of the claim thereunder; and
seseorang Penuntut yang memfailkan atau mengemukakan tuntutan bagi Manfaat Elaun Pendidikan telah memenuhi terma-terma dan syarat-syarat Polisi serta tuntutan tersebut diluluskan di bawahnya; dan

(b) there is at least one Beneficiary in existence and entitled in accordance with this Trust Deed.
terdapat sekurang-kurangnya seorang Benefisiari yang wujud dan berhak menurut Surat Ikatan Amanah ini.

4.2 For the avoidance of doubt, the Settlor acknowledges and agrees that the Trustee is not a Claimant under the Policy and is therefore not entitled to file or submit any claim to Generali.

Bagi mengelakkan keraguan, Penderma mengakui dan bersetuju bahawa Pemegang Amanah bukanlah seorang Penuntut di bawah Polisi dan oleh itu tidak berhak untuk memfailkan atau mengemukakan apa-apa tuntutan kepada Generali.

Settlor's initials/Parap Penderma: _____

5. BENEFICIARIES
BENEFISIARI

5.1 The Settlor hereby declares the Beneficiaries listed in **Section 8 of Schedule 1** fulfil the strict requirement as defined under **Clause 1.1**. The Settlor further declares all his children who fulfil the strict requirement under **Clause 1.1** are entitled to benefit under this Trust and the particulars under **Section 8 of Schedule 1** shall not be conclusive evidence of the existence and eligibility of his children and the Trustee's determination shall be final and binding.

Penderma dengan ini mengisytiharkan bahawa Benefisiari yang disenaraikan dalam Seksyen 8 Jadual 1 memenuhi syarat ketat sebagaimana ditakrifkan di bawah Klausula 1.1. Penderma selanjutnya mengisytiharkan bahawa semua anaknya yang memenuhi syarat ketat di bawah Klausula 1.1 berhak mendapat manfaat di bawah Amanah ini dan butiran di bawah Seksyen 8 Jadual 1 tidaklah menjadi keterangan muktamad tentang kewujudan dan kelayakan anak-anaknya dan penentuan Pemegang Amanah adalah muktamad serta mengikat.

5.2 Prior to the occurrence of the Trigger Event and subject to **Clause 5.3**, the Settlor shall have the power, by written notice to the Trustee and Generali, to add, remove or substitute any Beneficiary under this Trust Deed. Any such addition, removal or substitution shall be conditional upon the Settlor satisfying the requirement as defined under **Clause 1.1** and providing such information and documentation as the Trustee may reasonably require.

Sebelum berlakunya Peristiwa Pencetus dan tertakluk kepada Klausula 5.3, Penderma hendaklah mempunyai kuasa, melalui notis bertulis kepada Pemegang Amanah dan Generali, untuk menambah, membuang atau menggantikan mana-mana Benefisiari di bawah Surat Ikatan Amanah ini. Apa-apa penambahan, pembuangan atau penggantian sedemikian hendaklah dengan syarat bahawa Penderma memenuhi keperluan sebagaimana ditakrifkan di bawah Klausula 1.1 dan memberikan apa-apa maklumat dan dokumentasi yang mungkin dikehendaki secara munasabah oleh Pemegang Amanah.

5.3 The Settlor agrees that the Trustee shall have the following sole discretion in the addition, removal or substitution of Beneficiaries:-

Penderma bersetuju bahawa Pemegang Amanah hendaklah mempunyai budi bicara tunggal berikut dalam penambahan, pembuangan atau penggantian Benefisiari:-

(a) the Trustee shall remove any individual named by the Settlor who the Trustee subsequently discovers is not a Beneficiary as defined under **Clause 1.1** and the Trustee shall be bound by the strict requirement therein;

Pemegang Amanah hendaklah membuang mana-mana individu yang dinamakan oleh Penderma yang kemudiannya didapati oleh Pemegang Amanah bukan seorang Benefisiari sebagaimana ditakrifkan di bawah Klausula 1.1 dan Pemegang Amanah hendaklah terikat dengan syarat ketat yang dinyatakan di dalamnya;

(b) the Trustee shall include any individual who fulfils the requirements under **Clause 1.1** regardless that the Settlor did not specifically name the said individual in **Section 8 of Schedule 1** on the condition the Trustee is satisfied with the documentary evidence produced to support the identity and inclusion of the said individual;

Pemegang Amanah hendaklah memasukkan mana-mana individu yang memenuhi syarat-syarat di bawah Klausula 1.1 walaupun Penderma tidak secara khusus menamakan individu tersebut dalam Seksyen 8 Jadual 1 dengan syarat Pemegang Amanah berpuas hati dengan bukti dokumentari yang dikemukakan untuk menyokong identiti dan kemasukan individu tersebut;

(c) the Trustee shall include any individual who fulfils the requirements under **Clause 1.1** who produces an order from the Court specifically instructing the Trustee to include the said individual as Beneficiaries and the Trustee in preserving the Trust Fund is under no duty or obligation of any kind to dispute the decision of the Court.

Pemegang Amanah hendaklah memasukkan mana-mana individu yang memenuhi syarat-syarat di bawah Klausula 1.1 yang mengemukakan suatu perintah Mahkamah yang secara khusus

Settlor's initials/Parap Penderma: _____

mengarahkan Pemegang Amanah untuk memasukkan individu tersebut sebagai Benefisiari dan Pemegang Amanah, dalam memelihara Dana Amanah, tidak mempunyai apa-apa tugas atau obligasi dalam apa jua bentuk untuk mempertikaikan keputusan Mahkamah.

- (d) the Trustee shall reject any such addition, removal or substitution by Settlor, Guardian or any party alleging the qualification of any individual under **Clause 1.1** if the Trustee has reasonable belief to suspect the information and documentation to support such addition, removal or substitution is forged, untrue or contains misleading information.

*Pemegang Amanah hendaklah menolak apa-apa penambahan, pembuangan atau penggantian sedemikian oleh Penderma, Penjaga atau mana-mana pihak yang mendakwa kelayakan mana-mana individu di bawah **Klausa 1.1** jika Pemegang Amanah mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa maklumat dan dokumentasi bagi menyokong penambahan, pembuangan atau penggantian sedemikian adalah palsu, tidak benar atau mengandungi maklumat yang mengelirukan.*

- 5.4 Upon receipt of the Trust Asset under **Clause 4** of this Trust Deed, the Beneficiaries or Guardian may notify the Trustee in writing of the status of the Beneficiaries including any new inclusion after the execution of this Trust Deed but prior to the Trigger Event or the removal of any Beneficiary due to death.

*Setelah menerima Aset Amanah di bawah **Klausa 4** Surat Ikatan Amanah ini, Benefisiari atau Penjaga boleh memaklumkan kepada Pemegang Amanah secara bertulis mengenai status Benefisiari termasuk apa-apa kemasukan baharu selepas pelaksanaan Surat Ikatan Amanah ini tetapi sebelum Tarikh Muktamad atau pembuangan mana-mana Benefisiari disebabkan kematian.*

6. RELIANCE ON DOCUMENTS

KEBERGANTUNGAN PADA DOKUMEN

- 6.1 Parties agree that any documents, records, certificates, or information forwarded, delivered, or made available to the Trustee ("**Documents**") may be relied upon as provided, and the Trustee shall not be under any obligation to independently verify the accuracy, completeness, or authenticity of such Documents unless manifestly inconsistent, incomplete or suspicious.

*Pihak-Pihak bersetuju bahawa apa-apa dokumen, rekod, sijil, atau maklumat yang dikemukakan, diserahkan, atau disediakan kepada Pemegang Amanah ("**Dokumen**") boleh digunapakai sebagaimana diberikan, dan Pemegang Amanah tidak mempunyai apa-apa obligasi untuk mengesahkan secara bebas ketepatan, kelengkapan, atau ketulenan Dokumen tersebut melainkan secara nyata tidak selaras, tidak lengkap atau mencurigakan.*

- 6.2 The Settlor, Beneficiaries and/or Guardian shall remain responsible for the accuracy of all information provided and shall be liable for any loss arising from information which is false, misleading or provided negligently.

Penderma, Benefisiari dan/atau Penjaga hendaklah kekal bertanggungjawab bagi ketepatan semua maklumat yang diberikan dan hendaklah bertanggung bagi apa-apa kerugian yang timbul daripada maklumat yang palsu, mengelirukan atau diberikan secara caui.

7. TRUST PERIOD

TEMPOH AMANAH

Subject to **Clause 9.12**, the Trust shall subsist until the occurrence of the Termination Event.

*Tertakluk kepada **Klausa 9.12**, Amanah hendaklah terus berkuat kuasa sehingga berlakunya Peristiwa Penamatan.*

8. IRREVOCABILITY

KETIDAKBOLEHBATALAN

- 8.1 This Trust is and shall remain irrevocable upon the execution of this Trust Deed and upon the completion of the Absolute Assignment.

Settlor's initials/Parap Penderma: _____

Amanah ini adalah dan hendaklah kekal tidak boleh dibatalkan apabila Surat Ikatan Amanah ini dilaksanakan dan setelah sempurnanya Penyerahhakan Mutlak.

- 8.2 Prior to the Trustee's receipt of the proceeds from the Trust Asset, the Settlor may, with the prior written consent of the Trustee, revoke, terminate or surrender the Policy and/or request the reassignment of the Policy where the Trustee, in its sole and absolute discretion, is satisfied that the continued maintenance of the Policy would create economic hardship for the Settlor.

Sebelum Pemegang Amanah menerima hasil daripada Aset Amanah, Penderma boleh, dengan persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada Pemegang Amanah, membatalkan, menamatkan atau menyerahkan Polisi dan/atau memohon penyerahhakan semula Polisi jika Pemegang Amanah, atas budi bicara tunggal dan mutlaknyanya, berpuas hati bahawa pengkalan berterusan Polisi akan mewujudkan kesukaran ekonomi kepada Penderma.

- 8.3 Upon receipt by the Trustee of the proceeds from the Trust Asset, the Trust Fund and this Trust shall be absolutely irrevocable, and the Settlor shall have no right or power to revoke, cancel, terminate, surrender, transfer, demand repayment of, or require the return of the Trust Fund or any part thereof.

Setelah Pemegang Amanah menerima hasil daripada Aset Amanah, Dana Amanah dan Amanah ini hendaklah menjadi tidak boleh dibatalkan secara mutlak, dan Penderma tidak mempunyai apa-apa hak atau kuasa untuk membatalkan, menamatkan, menyerahkan, memindahkan, menuntut bayaran balik, atau menuntut pemulangan Dana Amanah atau mana-mana bahagiannya.

- 8.4 No act or omission of the Settlor shall constitute or be construed as a revocation of this Trust, save as expressly provided in this Trust Deed.

Tiada apa-apa tindakan atau keingkaran Penderma boleh membentuk atau ditafsirkan sebagai pembatalan Amanah ini, kecuali sebagaimana diperuntukkan secara nyata dalam Surat Ikatan Amanah ini.

9. TERMS OF THE TRUST

TERMA-TERMA AMANAH

9.1 *Common Pool*

Satu Dana Bersama

Notwithstanding the number of Beneficiaries, the Trust Fund shall be administered as a common pool and shall not be apportioned, allocated or divided into individual shares. The Trustee shall, subject to the terms of this Trust Deed, pay out of the Trust Fund to each eligible Beneficiary such stipulated fixed sum, and subject to **Clause 9.6**, the entitlement of each Beneficiary shall be

limited to such stipulated fixed sum only and shall not constitute any right to an equal or proportionate share of the Trust Fund. For the avoidance of doubt, payments shall only be made to Beneficiaries who satisfy the eligibility criteria set out in this Trust Deed.

*Walau berapa pun bilangan Benefisiari, Dana Amanah hendaklah ditadbir sebagai satu dana bersama dan tidak boleh dipecah bahagi, diperuntukkan atau dibahagikan kepada bahagian-bahagian individu. Pemegang Amanah hendaklah, tertakluk kepada terma-terma Surat Ikatan Amanah ini, membayar daripada Dana Amanah kepada setiap Benefisiari yang layak sejumlah wang tetap yang ditetapkan, dan tertakluk kepada **Klausu 9.6**, kelayakan setiap Benefisiari hendaklah terhad kepada jumlah tetap yang ditetapkan sahaja dan tidak memberikan apa-apa hak kepada bahagian Dana Amanah yang sama rata atau berkadar dalam Dana Amanah. Bagi mengelakkan keraguan, pembayaran hanya akan dibuat kepada Benefisiari yang memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan dalam Surat Ikatan Amanah ini.*

9.2 *Education Allowance Benefit*

Manfaat Elaun Pendidikan

- (a) Each Beneficiary is entitled to a Monthly Payment by the Trustee to or for the benefit of a Beneficiary in accordance with this Trust Deed, subject always to adjustment, reduction,

Settlor's initials/Parap Penderma: _____

suspension or cessation as expressly provided herein and further subject to the strict condition that the Beneficiary is:-

Setiap Benefisiari berhak kepada suatu Bayaran Bulanan oleh Pemegang Amanah kepada atau bagi manfaat seseorang Benefisiari menurut Surat Ikatan Amanah ini, sentiasa tertakluk kepada pelarasan, pengurangan, penggantungan atau pemberhentian sebagaimana diperuntukkan secara nyata dalam ini dan selanjutnya tertakluk kepada syarat ketat bahawa Benefisiari tersebut adalah:-

- (i) below the age of 18; and
berumur di bawah 18 tahun; dan
 - (ii) enrolled in and is attending full time education at a School.
berdaftar dalam dan sedang mengikuti pendidikan sepenuh masa di sebuah Sekolah.
- (b) The Trustee shall suspend the Monthly Payment if the Beneficiary is not attending full time education at a School until proof to the contrary is provided, and shall, upon resumption (if any), repay any withheld Monthly Payments to the extent that the Beneficiary has satisfactorily shown that he has attended full time education during the relevant period.
Pemegang Amanah hendaklah menggantung Bayaran Bulanan jika Benefisiari tidak mengikuti pendidikan sepenuh masa di Sekolah sehingga bukti yang bertentangan dikemukakan, dan hendaklah, apabila disambung semula (jika ada), membayar balik apa-apa Bayaran Bulanan yang ditahan setakat Benefisiari menunjukkan dengan memuaskan bahawa Benefisiari telah mengikuti pendidikan sepenuh masa dalam tempoh yang berkenaan.

9.3 Disbursement of Monthly Payment

Pembayaran Bayaran Bulanan

- (a) The first Monthly Payment shall begin the month after the receipt of the Trust Asset and all supporting documents to the satisfaction of the Trustee from Generali and shall continue until the Cessation Event or the Termination Event occurring.
Bayaran Bulanan yang pertama hendaklah bermula pada bulan selepas penerimaan Aset Amanah dan semua dokumen sokongan daripada Generali yang memuaskan hati Pemegang Amanah dan hendaklah berterusan sehingga berlakunya Peristiwa Pemberhentian atau Peristiwa Penamatan.
- (b) The Monthly Payment shall be paid to the Guardian or, in the event the Guardian is not willing or is unable to act for any reason whatsoever, the Monthly Payment may be paid to such person appointed by the Court and/or having physical custody of the Beneficiary as the Trustee considers appropriate, upon such indemnity and supporting documentation as the Trustee may reasonably require, and the Trustee shall not be liable for any application or misapplication of such payment made in good faith.
Bayaran Bulanan hendaklah dibayar kepada Penjaga atau, sekiranya Penjaga tidak sanggup atau tidak berupaya untuk bertindak atas apa jua sebab sekalipun, Bayaran Bulanan boleh dibayar kepada orang yang dilantik oleh Mahkamah dan/atau yang mempunyai jagaan fizikal ke atas Benefisiari sebagaimana difikirkan sesuai oleh Pemegang Amanah, tertakluk kepada indemniti dan dokumentasi sokongan yang mungkin dikehendaki secara munasabah oleh Pemegang Amanah, dan Pemegang Amanah tidak bertanggungjawab bagi apa-apa penggunaan atau salah guna pembayaran sedemikian yang dibuat dengan suci hati.
- (c) Notwithstanding **Clause 9.3(b)**, the Trustee may in its sole discretion pay the Monthly Payment directly to the Beneficiary where appropriate having regard to age and other conditions which the Trustee deems appropriate.
*Walau apa pun **Klausula 9.3(b)**, Pemegang Amanah boleh atas budi bicara tunggalnya membayar Bayaran Bulanan secara terus kepada Benefisiari jika sesuai dengan mengambil kira umur dan syarat-syarat lain yang dianggap sesuai oleh Pemegang Amanah.*

Settlor's initials/Parap Penderma: _____

9.4 Application of Monthly Payment*Penggunaan Bayaran Bulanan*

- (a) The Trustee shall not be under any duty to monitor or ensure the application of any Monthly Payment made under this Trust Deed and shall not be liable for any misuse or misapplication by any Beneficiary and/or Guardian for purposes other than those contemplated herein unless the Trustee has actual knowledge of manifest misuse.

Pemegang Amanah tidak mempunyai apa-apa kewajipan untuk memantau atau memastikan penggunaan mana-mana Bayaran Bulanan yang dibuat di bawah Surat Ikatan Amanah ini dan tidak bertanggung bagi apa-apa salah guna atau penggunaan yang salah oleh mana-mana Benefisiari dan/atau Penjaga bagi tujuan selain yang dimaksudkan dalam ini melainkan Pemegang Amanah mempunyai pengetahuan sebenar tentang salah guna yang nyata.

- (b) The Trustee's duty in making any payment shall be limited to verifying, to its satisfaction, that the recipient is a Beneficiary and that the conditions for payment under this Trust Deed have been complied with, and upon making such payment in good faith, the Trustee shall be deemed to have fully discharged its obligations.

Kewajipan Pemegang Amanah dalam membuat apa-apa bayaran hendaklah terhad kepada mengesahkan, sehingga memuaskan hatinya, bahawa penerima ialah seorang Benefisiari dan bahawa syarat-syarat bagi pembayaran di bawah Surat Ikatan Amanah ini telah dipatuhi, dan setelah membuat bayaran sedemikian dengan suci hati, Pemegang Amanah hendaklah dianggap telah melepaskan sepenuhnya obligasinya.

9.5 Insufficient Funds*Ketidakcukupan Dana*

If, during the subsistence of the Trust Period, the Trust Fund is insufficient to meet the Monthly Payment, the Trustee may, in its sole discretion, reduce the Monthly Payment to such amount as it considers necessary or may suspend payments entirely to meet the objectives of the Trust, and if the Trust Fund is fully depleted, such depletion shall constitute a Termination Event.

Jika, semasa Tempoh Amanah berkuat kuasa, Dana Amanah tidak mencukupi untuk memenuhi Bayaran Bulanan, Pemegang Amanah boleh, atas budi bicara tunggalnya, mengurangkan Bayaran Bulanan kepada jumlah yang difikirkannya perlu atau boleh menggantung sepenuhnya pembayaran untuk memenuhi objektif Amanah, dan jika Dana Amanah susut sepenuhnya, penyusutan sedemikian hendaklah membentuk suatu Peristiwa Penamatan.

9.6 Cessation of Monthly Payment*Pemberhentian Bayaran Bulanan*

Subject to the Termination Event occurring earlier, all Monthly Payment for any particular Beneficiary shall cease upon such said Beneficiary reaching eighteen (18) years of age, notwithstanding that the said Beneficiary may still be attending full-time education at a School or is in the midst of an academic term, semester, or examination period.

Tertakluk kepada Peristiwa Penamatan yang berlaku lebih awal, semua Bayaran Bulanan hendaklah terhenti untuk mana-mana Benefisiari tertentu yang mencapai umur lapan belas (18) tahun, walaupun Benefisiari tersebut mungkin masih mengikuti pendidikan sepenuh masa di Sekolah atau sedang berada dalam penggal akademik, semester, atau tempoh peperiksaan.

9.7 No Vested Interest*Tiada Kepentingan Terletak Hak*

No Beneficiary shall have any vested interest to any specific portion of the Trust Fund prior to determination of entitlement at the Ultimate Date.

Tiada Benefisiari mempunyai apa-apa kepentingan terletak hak ke atas mana-mana bahagian tertentu Dana Amanah sebelum penentuan kelayakan pada Tarikh Muktamad.

Settlor's initials/Parap Penderma: _____

9.8 *Lapse of Entitlement*
Luputnya Kelayakan

If a Beneficiary dies:
Jika seseorang Beneficiary meninggal dunia:

- (a) before the Trigger Event; or
sebelum Tarikh Peristiwa Pencetus; atau
- (b) after the Trigger Event but before the Cessation Event; or
selepas tarikh Peristiwa Pencetus tetapi sebelum tarikh Peristiwa Pemberhentian; atau
- (c) dies simultaneously or in circumstances rendering it uncertain whether the Settlor or such Beneficiary survived the other, notwithstanding any applicable laws;
meninggal dunia serentak atau dalam keadaan yang menyebabkan tidak pasti sama ada Penderma atau Benefisiari tersebut masih hidup berbanding yang lain, walau apa pun undang-undang yang terpakai;

such Beneficiary shall be deemed to have no entitlement under this Trust and:
Benefisiari tersebut hendaklah dianggap tidak mempunyai apa-apa kelayakan di bawah Amanah ini dan:

- (i) all entitlement (if any) of such Beneficiary shall immediately cease;
semua kelayakan (jika ada) Beneficiary tersebut hendaklah terhenti serta-merta;
- (ii) no part of the Trust Fund or any unpaid Monthly Payment shall form part of the estate of such Beneficiary; and
bahagian Dana Amanah atau apa-apa Bayaran Bulanan yang belum dibayar tidak akan membentuk sebahagian daripada harta pusaka Benefisiari tersebut; dan
- (iii) the Trustee shall thereafter hold and apply the amount that would otherwise have been payable in respect of such Beneficiary if he had not died upon trust for the surviving Beneficiary in a common pool in accordance with **Clause 9.1**.
*Pemegang Amanah selepas itu hendaklah memegang dan menggunakan jumlah yang jika tidak akan kena dibayar berkenaan Benefisiari tersebut sekiranya dia tidak meninggal dunia, atas amanah bagi Benefisiari yang masih hidup dalam satu dana bersama mengikut **Klausu 9.1**.*

9.9 *Strict Prohibition*
Larangan Ketat

The Settlor shall have no right or discretion to direct, instruct, command or otherwise compel the Trustee to transfer or pay any part of the Trust Fund to the Settlor or to any other person, nor to vary the purposes of this Trust, save only as expressly provided in this Trust Deed.

Penderma tidak mempunyai apa-apa hak atau budi bicara untuk mengarah, memberi arahan, memerintah atau selainnya memaksa Pemegang Amanah memindahkan atau membayar mana-mana bahagian Dana Amanah kepada Penderma atau kepada mana-mana orang lain, mahupun untuk mengubah tujuan Amanah ini, kecuali sebagaimana diperuntukkan secara nyata dalam Surat Ikatan Amanah ini.

9.10 *Termination of the Trust*
Penamatan Amanah

- (a) Save for **Clause 9.12**, the Trust shall terminate on the date the Termination Event occurs.
*Kecuali bagi **Klausu 9.12**, Amanah hendaklah tamat pada tarikh berlakunya Peristiwa Penamatan.*

Settlor's initials/Parap Penderma: _____

- (b) Upon Termination Event occurring, the Trustee shall prepare to terminate the Trust and if there is balance left standing in the Trust Fund, to proceed expediently for Final Distribution. *Apabila berlakunya Peristiwa Penamatan, Pemegang Amanah hendaklah membuat persediaan untuk menamatkan Amanah dan jika terdapat baki yang tinggal dalam Dana Amanah, hendaklah meneruskan dengan segera bagi tujuan Pembahagian Akhir.*

9.11 Final Distribution

Pembahagian Akhir

- (a) Upon the occurrence of the Termination Event, the Trustee shall, subject to this Trust Deed, proceed to determine the persons entitled as at the Ultimate Date to the balance left standing in the Trust and thereafter distribute the balance of the Trust Fund (if any) in accordance with this Clause. *Apabila berlakunya Peristiwa Penamatan, Pemegang Amanah hendaklah, tertakluk kepada Surat Ikatan Amanah ini, meneruskan untuk menentukan orang-orang yang berhak setakat Tarikh Muktamad ke atas baki yang tinggal dalam Amanah dan selepas itu mengagihkan baki Dana Amanah (jika ada) menurut Klausula ini.*
- (b) The Trustee shall, in preparation for the Final Distribution:
Pemegang Amanah hendaklah, sebagai persediaan untuk Pembahagian Akhir:
- (i) ascertain and confirm the identity and survivorship of the Beneficiaries, or in the absence thereof, the Settlor, as at the Ultimate Date;
memastikan dan mengesahkan identiti dan samada Benefisiari masih hidup, atau jika tiada Benefisiari, status Penderma, setakat Tarikh Muktamad.
 - (ii) issue such notices as may be necessary in relation to the Termination Event and the Ultimate Date;
mengeluarkan notis-notis yang perlu berhubung dengan Peristiwa Penamatan dan Tarikh Muktamad;
 - (iii) prepare a final statement of account of the Trust Fund as at the Termination Event ("**Statement of Account**");
*menyediakan penyata akaun muktamad Dana Amanah setakat Peristiwa Penamatan ("**Penyata Akaun**")*
 - (iv) deduct all Fees, costs, expenses and applicable taxes from the Trust Fund; and
menolak segala Fi, kos, perbelanjaan dan cukai yang terpakai daripada Dana Amanah; dan
 - (v) retain such reserves as it considers necessary for any anticipated liabilities or expenses including applicable taxes.
menahan rizab-rizab yang difikirkannya perlu bagi apa-apa liabiliti atau perbelanjaan yang dijangka termasuk cukai yang terpakai.
- (c) Subject to the determination made under **Clause 5.3** and except for Incapacitated Beneficiary, the Trustee shall distribute the balance of the Trust Fund as follows:
Tertakluk kepada penentuan yang dibuat di bawah Klausula 5.3 dan kecuali bagi Benefisiari Tak Berkeupayaan, Pemegang Amanah hendaklah mengagihkan baki Dana Amanah seperti berikut:
- (i) if there is only one (1) Beneficiary entitled to the Final Distribution, wholly to that Beneficiary;
jika hanya terdapat satu (1) Benefisiari yang berhak kepada Pembahagian Akhir, keseluruhannya kepada Benefisiari tersebut;

Settlor's initials/Parap Penderma: _____

- (ii) if there is more than one (1) Beneficiary entitled to the Final Distribution, in equal shares among such Beneficiaries;
jika terdapat lebih daripada satu (1) Benefisiari yang berhak kepada Pembahagian Akhir, dalam bahagian yang sama rata antara Benefisiari-Benefisiari tersebut;
- (iii) if there is no Beneficiary entitled to the Final Distribution, to the Settlor, or if the Settlor is not living, to the estate of the Settlor.
jika tiada Benefisiari yang berhak kepada Pembahagian Akhir, kepada Penderma, atau jika Penderma telah meninggal dunia, kepada harta pusaka Penderma.
- (d) For the avoidance of doubt **Clause 9.11** does not apply to Incapacitated Beneficiary.
*Bagi mengelakkan keraguan, **Klausu 9.11** tidak terpakai kepada Benefisiari Tak Berkeupayaan,*

9.12 Incapacitated Beneficiary

Benefisiari Tak Berkeupayaan

- (a) If any Beneficiary is an Incapacitated Beneficiary at the time of Final Distribution, the Trustee shall retain that Incapacitated Beneficiary's share of the Trust Fund and hold it upon a continuing trust ("**Trust Fund For Incapacitated Beneficiary**") until the earliest of the following events:-

*Jika mana-mana Benefisiari ialah seorang Benefisiari Tak Berkeupayaan pada masa Pembahagian Akhir, Pemegang Amanah hendaklah mengekalkan bahagian Dana Amanah Benefisiari Tidak Berkeupayaan tersebut dan memegangnya atas amanah berterusan ("**Dana Amanah Untuk Benefisiari Tak Berkeupayaan**") sehingga yang paling awal daripada peristiwa-peristiwa berikut:-*

- (i) certification by a Physician that the Incapacitated Beneficiary has recovered from the condition causing such incapacity;
pengesahan oleh Pakar Perubatan bahawa Benefisiari Tak Berkeupayaan telah pulih daripada keadaan yang menyebabkan ketidakupayaan tersebut;
- (ii) the death of the Incapacitated Beneficiary; or
kematian Benefisiari Tak Berkeupayaan; atau
- (iii) the full depletion of the Trust Fund for Incapacitated Beneficiary,
penyusutan sepenuhnya Dana Amanah Untuk Benefisiari Tidak Berkeupayaan
- ("Termination Event For Incapacitated Beneficiary").**
("Peristiwa Penamatan Untuk Benefisiari Tak Berkeupayaan")

- (b) During the subsistence of the Trust Fund For Incapacitated Beneficiary, the Trustee may, in its sole and absolute discretion, apply such sums as the Trustee considers appropriate for the welfare of the Incapacitated Beneficiary, including but not limited to maintenance, living expenses, medical treatment, medical equipment and nursing care.

Sepanjang masa Dana Amanah Untuk Benefisiari Tak Berkeupayaan berkuat kuasa, Pemegang Amanah boleh, atas budi bicara tunggal dan mutlakny, menggunakan apa-apa jumlah yang difikirkan sesuai oleh Pemegang Amanah bagi kebajikan Benefisiari Tak Berkeupayaan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sara hidup, perbelanjaan kehidupan, rawatan perubatan, peralatan perubatan dan penjagaan kejururawatan.

- (c) Any payment under this Clause may be made to the Guardian or, if the Trustee considers it appropriate, directly to any hospital, nursing home or other institution providing care to the Incapacitated Beneficiary.

Apa-apa bayaran di bawah Klausu ini boleh dibuat kepada Penjaga atau, jika Pemegang Amanah menganggapnya sesuai, secara terus kepada mana-mana hospital, rumah jagaan atau institusi lain yang menyediakan penjagaan kepada Benefisiari Tak Berkeupayaan.

Settlor's initials/Parap Penderma: _____

- (d) Upon the occurrence of a Termination Event For Incapacitated Beneficiary, any balance remaining in the Trust Fund For Incapacitated Beneficiary shall be paid:-

Apabila berlakunya Peristiwa Penamatan Untuk Benefisiari Tak Berkeupayaan, apa-apa baki yang masih tinggal dalam Dana Amanah Untuk Benefisiari Tak Berkeupayaan hendaklah dibayar:-

- (i) to the Incapacitated Beneficiary, if recovered; or
kepada Benefisiari Tak Berkeupayaan, jika telah pulih; atau
- (ii) if deceased, to the personal representative of the Incapacitated Beneficiary's estate, upon production of a certified true copy of the grant of representation.
jika telah meninggal dunia, kepada wakil peribadi harta pusaka Benefisiari Tak Berkeupayaan, setelah dikemukakan salinan geran representasi yang diperakui sah.

- (e) For the avoidance of doubt, the Incapacitated Beneficiary shall have no entitlement to the Trust Fund for Incapacitated Beneficiary prior to Final Distribution, and the Trustee's powers under this Clause shall prevail to the extent of any inconsistency in this Trust Deed.

Bagi mengelakkan keraguan, Benefisiari Tak Berkeupayaan tidak mempunyai apa-apa kelayakan ke atas Dana Amanah Untuk Benefisiari Tak Berkeupayaan sebelum Pembahagian Akhir, dan kuasa-kuasa Pemegang Amanah di bawah Klausula ini hendaklah mengatasi setakat mana-mana ketidakselarasan dalam Surat Ikatan Amanah ini.

9.13 Good Discharge

Pelepasan yang Sah dan Sempurna

All distributions and payments made by the Trustee shall be deemed to be a good and valid discharge of the obligations of the Trustee under this Trust Deed and the Trustee shall have no further liabilities towards any party to this Trust Deed save for any fraud, gross negligence or willful misconduct on the part of the Trustee.

Semua agihan dan pembayaran yang dibuat oleh Pemegang Amanah hendaklah dianggap sebagai suatu pelepasan yang sah dan sempurna terhadap obligasi Pemegang Amanah di bawah Surat Ikatan Amanah ini dan Pemegang Amanah tidak mempunyai apa-apa liabiliti lanjut terhadap mana-mana pihak kepada Surat Ikatan Amanah ini kecuali bagi apa-apa fraud, kecuaiian teruk atau salah laku sengaja di pihak Pemegang Amanah.

10. LAPSE, NON-RENEWAL, AND REINSTATEMENT OF THE POLICY

LUPUT, TIDAK DIPERBAHARUI, DAN PENGUATKUASAAN SEMULA POLISI

- 10.1 Upon receipt of Generali's Notice (where it shall be conclusive evidence of the status of the Policy and the Trustee may rely exclusively on the information in Generali's Notice), the Trustee shall do the following:-

Setelah menerima Notis Generali (yang hendaklah menjadi keterangan muktamad tentang status Polisi dan Pemegang Amanah boleh bergantung sepenuhnya pada maklumat dalam Notis Generali), Pemegang Amanah hendaklah melakukan perkara-perkara berikut:-

- (a) If the Policy has lapsed, voided, cancelled or otherwise not renewed, the Trustee shall mark the said Policy as terminated and no further action shall be undertaken; and
Jika Polisi telah luput, terbatal, dibatalkan atau tidak diperbaharui, Pemegang Amanah hendaklah menandakan Polisi tersebut sebagai ditamatkan dan tiada tindakan lanjut akan diambil; dan

- (b) the Absolute Assignment form and Trust Deed previously executed in respect of the Policy shall become inoperative in respect of the Trust Asset unless and until the Policy is revived or reinstated; or

Borang Penyerahhakan Mutlak dan Surat Ikatan Amanah yang telah dilaksanakan sebelum ini berkenaan Polisi tersebut hendaklah menjadi tidak berkuat kuasa berhubung dengan Aset Amanah melainkan dan sehingga Polisi itu dihidupkan semula atau dikuatkuasakan semula; atau

Settlor's initials/Parap Penderma: _____

- (c) If the Policy is revived or reinstated as notified in Generali's Notice and on the condition the Policy is under the same Policy number as stated in **Section 4 of Schedule 1**, this Trust Deed together with the Assignment Form shall remain valid and enforceable; or

*Jika Polisi dihidupkan semula atau dikuatkuasakan semula sebagaimana dimaklumkan dalam Notis Generali dan dengan syarat Polisi tersebut berada di bawah nombor Polisi yang sama seperti yang dinyatakan dalam **Seksyen 4 Jadual 1**, Surat Ikatan Amanah ini bersama-sama Borang Penyerahhakan Mutlak hendaklah kekal sah dan boleh dikuatkuasakan; atau*

- (d) If the Settlor enters into a new Policy with Generali under a new Policy number regardless of if the identities of the Beneficiaries are the same, the Settlor shall execute a new Assignment Form with Generali and execute a new Trust Deed with the Trustee.

Jika Penderma memasuki Polisi baharu dengan Generali di bawah nombor Polisi baharu tanpa mengira sama ada identiti Benefisiari adalah sama, Penderma hendaklah melaksanakan Borang Penyerahhakan Mutlak baharu dengan Generali dan melaksanakan Surat Ikatan Amanah baharu dengan Pemegang Amanah.

- 10.2 Upon the Policy has lapsed, voided, cancelled, not renewed, regardless if Generali's Notice is issued to or received by the Trustee, this Trust shall become inoperative, and the Trustee shall have no further active duties save for any record of closure on the part of the Trustee. Further, the Trustee shall be fully and wholly released from all further duties, obligations, and liabilities under this Trust and created under this Trust Deed save for any breach due to fraud, wilful misconduct or gross negligence occurring prior to such failure.

Apabila Polisi telah luput, terbatal, dibatalkan, atau tidak diperbaharui, tanpa mengira sama ada Notis Generali dikeluarkan kepada atau diterima oleh Pemegang Amanah, Amanah ini hendaklah menjadi tidak berkuat kuasa, dan Pemegang Amanah tidak mempunyai apa-apa tugas aktif selanjutnya kecuali bagi apa-apa rekod penutupan di pihak Pemegang Amanah. Selanjutnya, Pemegang Amanah hendaklah dibebaskan sepenuhnya dan keseluruhannya daripada segala tugas, obligasi, dan liabiliti lanjut di bawah Amanah ini dan yang diwujudkan di bawah Surat Ikatan Amanah ini kecuali bagi apa-apa pelanggaran disebabkan fraud, salah laku sengaja atau kecuaiian teruk yang berlaku sebelum kegagalan sedemikian.

- 10.3 For the avoidance of doubt;

Bagi mengelakkan keraguan;

- (a) the Trustee shall have no duty to monitor the Policy, notify the Settlor or any Beneficiary of any lapse, voided, cancelled or not renewed Policy; and

Pemegang Amanah tidak mempunyai kewajipan untuk memantau Polisi, memaklumkan Penderma atau mana-mana Benefisiari tentang mana-mana Polisi yang luput, terbatal, dibatalkan atau tidak diperbaharui; dan

- (b) it shall be the sole duty and responsibility of the Settlor as the policyholder to check, monitor, maintain and otherwise keep alive the Policy for the purposes of this Trust.

menjadi kewajipan dan tanggungjawab tunggal Penderma sebagai pemegang polisi untuk menyemak, memantau, mengekalkan dan selainnya memastikan Polisi terus berkuat kuasa bagi tujuan Amanah ini.

11. POWERS OF THE TRUSTEE

KUASA-KUASA PEMEGANG AMANAH

11.1 Investment

Pelaburan

The Trustee shall have the powers of investment as empowered under the Public Trust Corporation Act 1995 ("**Act**") and any applicable law.

*Pemegang Amanah hendaklah mempunyai kuasa pelaburan sebagaimana diberi kuasa di bawah Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 ("**Akta**") dan mana-mana undang-undang yang terpakai.*

Settlor's initials/Parap Penderma: _____

11.2 Utilisation of Income

Penggunaan Pendapatan

The Trustee shall have the powers to utilise the income or if the income is insufficient, the capital of the Trust Fund towards all costs and expenses properly and reasonably incurred in the administration of the Trust including without limitation, income or other taxes, service charges, stamp duties, registration fees or professional fees.

Pemegang Amanah hendaklah mempunyai kuasa untuk menggunakan pendapatan atau jika pendapatan itu tidak mencukupi, modal Dana Amanah bagi menampung segala kos dan perbelanjaan yang ditanggung dengan wajar dan munasabah dalam pentadbiran Amanah termasuk tanpa had, cukai pendapatan atau cukai lain, caj perkhidmatan, duti setem, fi pendaftaran atau fi profesional.

11.3 Lawful Act

Perbuatan yang Sah

The Trustee shall have power to do all lawful acts and things as it considers necessary or expedient for the purposes of the Trust, including acting in conjunction with any person, body, institution or authority, provided that no part of the Trust Fund shall be applied otherwise than in accordance with this Trust Deed.

Pemegang Amanah hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala tindakan dan perkara yang sah sebagaimana difikirkannya perlu atau suai manfaat bagi tujuan Amanah, termasuk bertindak bersama dengan mana-mana orang, badan, institusi atau pihak berkuasa, dengan syarat tiada bahagian Dana Amanah boleh digunakan selain menurut Surat Ikatan Amanah ini.

11.4 Power To Sue, Be Sued And To Settle

Kuasa Untuk Menyaman, Disaman Dan Menyelesaikan

The Trustee shall have the power to sue and be sued, settle any claim or proceedings, submit any claim for mediation or appeal against any decision or make any application to the courts to determine any power, discretion or any matter related or incidental to this Trust Deed and the Trust Fund or to seek direction of the Court.

Pemegang Amanah hendaklah mempunyai kuasa untuk menyaman dan disaman, menyelesaikan apa-apa tuntutan atau prosiding, mengemukakan apa-apa tuntutan untuk mediasi atau merayu terhadap apa-apa Keputusan atau membuat apa-apa permohonan kepada mahkamah untuk

menentukan apa-apa kuasa, budi bicara atau apa-apa perkara yang berkaitan atau sampingan kepada Surat Ikatan Amanah ini dan Dana Amanah atau untuk memohon arahan Mahkamah.

11.5 Appoint Agents and Consultants

Melantik Ejen dan Perunding

The Trustee may appoint agents, nominees, custodians, consultants and advisers on such terms as it deems fit.

Pemegang Amanah boleh melantik ejen, penama, kustodian, perunding dan penasihat atas terma-terma yang difikirkannya sesuai.

11.6 Submit Tax and Make Payment

Mengemukakan Cukai dan Membuat Bayaran

The Trustee shall have the power to prepare and submit tax and other return, to make payments upon assessment by any regulatory authority, to appeal where necessary, and to make all such payments from the Trust Fund.

Pemegang Amanah hendaklah mempunyai kuasa untuk menyediakan dan mengemukakan cukai dan penyata lain, membuat bayaran setelah taksiran oleh mana-mana pihak berkuasa kawal selia, membuat rayuan jika perlu, dan membuat semua bayaran sedemikian daripada Dana Amanah.

Settlor's initials/Parap Penderma: _____

11.7 Investment in Good Faith
Pelaburan Dengan Suci Hati

In the exercise of its powers and discretions, the Trustee shall not be liable for any loss to, or diminution or depreciation in the value of, the Trust Fund arising from any investment or other act or omission made in good faith, including any loss resulting from market conditions or fluctuations, or from the acts or omissions of any agent appointed in good faith, provided that the Trustee has exercised reasonable care in selecting such agent and has no actual knowledge of any fraud, gross negligence or default on the part of such agent, and provided further that nothing in this Clause shall exclude or limit liability arising from fraud, wilful misconduct or gross negligence on the part of the Trustee.

Dalam melaksanakan kuasa-kuasa dan budi bicaranya, Pemegang Amanah tidak bertanggung bagi apa-apa kerugian kepada, atau pengurangan atau susut nilai dalam nilai, Dana Amanah yang timbul daripada apa-apa pelaburan atau perbuatan atau keingkaran lain yang dibuat dengan suci hati, termasuk apa-apa kerugian yang terhasil daripada keadaan atau turun naik pasaran, atau daripada perbuatan atau keingkaran mana-mana ejen yang dilantik dengan suci hati, dengan syarat Pemegang Amanah telah mengambil langkah yang munasabah dalam memilih ejen tersebut dan tidak mempunyai pengetahuan sebenar tentang apa-apa fraud, kecuaiian teruk atau keingkaran di pihak ejen tersebut, dan selanjutnya dengan syarat bahawa tiada apa-apa dalam Klausula ini mengecualikan atau mengehadkan liabiliti yang timbul daripada fraud, salah laku sengaja atau kecuaiian teruk di pihak Pemegang Amanah.

11.8 Reliance on Professional Advice In Good Faith
Bergantung pada Nasihat Profesional Dengan Suci Hati

The Trustee may rely on any advice or opinion of any professional or consultant and shall not be liable for any loss arising from such reliance where the Trustee has acted in good faith.

Pemegang Amanah boleh bergantung pada apa-apa nasihat atau pendapat mana-mana profesional atau perunding dan tidak bertanggung bagi apa-apa kerugian yang timbul daripada pergantungan sedemikian jika Pemegang Amanah telah bertindak dengan suci hati.

12. OBLIGATIONS OF THE SETTLOR, GUARDIAN AND/OR BENEFICIARIES
OBLIGASI PENDERMA, PENJAGA DAN/ATAU BENEFISIARI

12.1 The Settlor and/or Guardian shall notify the Trustee of any of the following promptly and without delay;

Penderma dan/atau Penjaga hendaklah memaklumkan kepada Pemegang Amanah dengan segera dan tanpa berlengah tentang mana-mana perkara berikut;

- (a) Any changes to the School information or residential address of the Beneficiaries;
Apa-apa perubahan kepada maklumat Sekolah atau alamat kediaman Benefisiari;
- (b) Any changes to the residential address and contact details of the Guardian;
Apa-apa perubahan kepada alamat kediaman dan butiran hubungan Penjaga;
- (c) Any changes to the contact details of the Settlor.
Apa-apa perubahan kepada butiran hubungan Penderma.

12.2 The Settlor, the Guardian or the Beneficiary shall provide to the Trustee the Beneficiary's report card, transcript or other written confirmation issued by the School for each academic term, semester or reporting period as evidence of full-time attendance, failing which the Trustee may in its sole discretion suspend the Monthly Payment until such evidence is provided.

Penderma, Penjaga atau Benefisiari hendaklah memberikan kepada Pemegang Amanah kad laporan, transkrip atau pengesahan bertulis lain Benefisiari yang dikeluarkan oleh Sekolah bagi setiap penggal akademik, semester atau tempoh pelaporan sebagai bukti kehadiran sepenuh masa, dan jika

Settlor's initials/Parap Penderma: _____

gagal berbuat demikian, Pemegang Amanah boleh atas budi bicara tunggalnya menggantung Bayaran Bulanan sehingga bukti tersebut diberikan.

- 12.3 The Settlor, the Guardian or the Beneficiaries (as applicable) shall be responsible for reporting and accounting to the relevant authorities, including the Inland Revenue Board of Malaysia, for any Profit Distribution received from the Trust.

Penderma, Penjaga atau Benefisiari (mengikut mana-mana yang berkenaan) hendaklah bertanggungjawab untuk melaporkan dan memperakunkan kepada pihak berkuasa yang berkenaan, termasuk Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, bagi apa-apa Agihan Keuntungan yang diterima daripada Amanah.

13. DISCLAIMER ON INCORRECT OR MISTAKEN PAYMENTS

PENAFIAN BERHUBUNG PEMBAYARAN YANG TIDAK BETUL ATAU TERSILAP

The Trustee shall not be liable for any payment made in good faith to any person reasonably believed to be entitled, and may rely on any information or documents provided without further verification. Any overpayment or payment made to a person not entitled shall be recoverable from such person at the discretion of the Beneficiaries and at their own costs, and the Trustee shall not be liable for any failure to recover the same except the mistake is due to the gross negligence of the Trustee.

Pemegang Amanah tidak bertanggung bagi apa-apa pembayaran yang dibuat dengan suci hati kepada mana-mana orang yang pada sangkaan munasabah dianggap berhak, dan boleh bergantung pada apa-apa maklumat atau dokumen yang diberikan tanpa pengesahan lanjut. Apa-apa lebihan bayaran atau pembayaran yang dibuat kepada orang yang tidak berhak hendaklah boleh dituntut semula daripada orang tersebut atas budi bicara Benefisiari dan atas kos Benefisiari sendiri, dan Pemegang Amanah tidak bertanggung bagi apa-apa kegagalan untuk mendapatkan semula perkara yang sama kecuali kesilapan itu disebabkan oleh kecuaiian teruk Pemegang Amanah.

14. LIMITATION OF LIABILITY

HAD LIABILITI

- 14.1 The Trustee shall not be obliged to comply with any instruction of the Settlor, any Beneficiary and/or any Guardian which, in the Trustee's opinion, is unlawful, inconsistent with the terms or purpose of this Trust Deed or may prejudice the due administration of the Trust, and the Trustee shall not be liable for any loss arising from any such non-compliance, provided that the Trustee acts in good faith.

Pemegang Amanah tidak diwajibkan mematuhi apa-apa arahan Penderma, mana-mana Benefisiari dan/atau mana-mana Penjaga yang, pada pendapat Pemegang Amanah, menyalahi undang-undang, tidak selaras dengan terma-terma atau tujuan Surat Ikatan Amanah ini atau boleh memudaratkan pentadbiran Amanah yang sewajarnya, dan Pemegang Amanah tidak bertanggung bagi apa-apa kerugian yang timbul daripada ketidakpatuhan sedemikian, dengan syarat Pemegang Amanah bertindak dengan suci hati

- 14.2 The aggregate liability of the Trustee (including in respect of any act or omission of any person appointed or engaged by the Trustee) to all persons arising out of or in connection with this Trust Deed (whether in contract, tort, breach of trust or otherwise) shall be limited to the total Fees actually received by the Trustee, and the Trustee shall not be liable for any loss, provided that nothing in this Clause shall exclude or limit liability arising from fraud, wilful misconduct or gross negligence on the part of the Trustee.

Liabiliti agregat Pemegang Amanah (termasuk berhubung dengan apa-apa perbuatan atau keingkaran mana-mana orang yang dilantik atau digunakan khidmatnya oleh Pemegang Amanah) kepada semua orang yang timbul daripada atau berkaitan dengan Surat Ikatan Amanah ini (sama ada dalam kontrak, tort, pecah amanah atau selainnya) hendaklah terhad kepada jumlah keseluruhan Fi yang benar-benar diterima oleh Pemegang Amanah, dan Pemegang Amanah tidak bertanggung bagi apa-apa kerugian, dengan syarat tiada apa-apa dalam Klausula ini mengecualikan atau

Settlor's initials/Parap Penderma: _____

mencegah dan melindungi liabiliti yang timbul daripada fraud, salah laku sengaja atau kecuaiian teruk di pihak Pemegang Amanah

14.3 No claim shall be brought by any person against any director, officer, employee, agent, adviser, consultant or custodian of the Trustee in respect of any liability arising out of or in connection with this Trust Deed, and each such person shall be entitled to rely on the limitations and exclusions of liability set out in this Clause.

Tiada tuntutan boleh dibawa oleh mana-mana orang terhadap mana-mana pengarah, pegawai, pekerja, ejen, penasihat, perunding atau kustodian Pemegang Amanah berhubung dengan apa-apa liabiliti yang timbul daripada atau berkaitan dengan Surat Ikatan Amanah ini, dan setiap orang sedemikian berhak untuk bergantung pada had-had dan pengecualian liabiliti yang dinyatakan dalam Klausula ini.

15. INDEMNITY

INDEMNITI

15.1 The Trustee shall be indemnified and held harmless out of the Trust Fund (and shall have a first and paramount lien and right of reimbursement and retention over the Trust Fund) in respect of all losses, liabilities, claims, demands, actions, damages, costs and expenses (including reasonable legal fees and expenses on a solicitor-and-client basis) properly and reasonably incurred by the Trustee in connection with the creation, holding, protection, defense, administration or distribution of the Trust Fund or the performance of its duties or the exercise of its powers under this Trust Deed, save to the extent that the same shall have been occasioned by the fraud, willful misconduct or gross negligence on the part of the Trustee. The Trustee may retain from the Trust Fund such reserves as it considers necessary to meet any anticipated liabilities and expenses.

Pemegang Amanah diberi indemniti dan tidak dipertanggungjawabkan daripada Dana Amanah (dan hendaklah mempunyai lien pertama dan utama serta hak untuk dibayar balik dan mengekalkan wang ke atas Dana Amanah) berhubung dengan semua kerugian, liabiliti, tuntutan, desakan, tindakan, ganti rugi, kos dan perbelanjaan (termasuk fi dan perbelanjaan guaman yang munasabah atas dasar peguamcara-dan-anak guam) yang ditanggung dengan wajar dan munasabah oleh Pemegang Amanah berkaitan dengan pewujudan, pemegangan, perlindungan, pembelaan, pentadbiran atau pengagihan Dana Amanah atau pelaksanaan tugasnya atau menjalankan kuasa-kuasanya di bawah Surat Ikatan Amanah ini, kecuali setakat perkara yang sama itu berpunca daripada fraud, salah laku sengaja atau kecuaiian teruk di pihak Pemegang Amanah. Pemegang Amanah boleh mengekalkan daripada Dana Amanah apa-apa rizab yang difikirkannya perlu bagi memenuhi apa-apa liabiliti dan perbelanjaan yang dijangka.

15.2 The indemnities, rights of reimbursement, liens and exculpatory provisions in this Clause shall survive the Termination Event and shall continue to the fullest extent permitted by law.

Indemniti-indemniti, hak untuk dibayar balik, lien dan peruntukan pengecualian tanggungan dalam Klausula ini hendaklah terus berkuat kuasa selepas Peristiwa Penamatan dan hendaklah berterusan setakat sepenuhnya yang dibenarkan oleh undang-undang.

16. FEES, EXPENSES AND PROFIT DISTRIBUTION

FI, PERBELANJAAN DAN AGIHAN KEUNTUNGAN

16.1 Trustee Fees

Fi Pemegang Amanah

The Trustee shall be entitled to charge Fees and the Trustee may deduct from the Trust Fund the Fees and all costs and expenses incurred by the Trustee in respect of this Trust provided always that where the said Act does not apply to the Trustee, the Trustee shall be entitled to charge Fees in accordance with the policies of the Trustee or in accordance with such other statute which governs the Trustee.

Pemegang Amanah berhak mengenakan Fi dan Pemegang Amanah boleh menolak daripada Dana Amanah fi tersebut serta semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pemegang Amanah

Settlor's initials/Parap Penderma: _____

berhubung dengan Amanah ini dengan syarat bahawa jika Akta tersebut tidak terpakai kepada Pemegang Amanah, Pemegang Amanah berhak mengenakan fi menurut polisi-polisi Pemegang Amanah atau menurut mana-mana statut lain yang mengawal Pemegang Amanah.

16.2 Profit Distribution*Agihan Keuntungan*

The Profit Distribution payable in respect of the capital moneys which form the Trust Fund shall be at such rate as may be declared by the Trustee having regard to the profitability of the investments. Such rate may be revised at intervals as deemed fit by the Trustee.

Agihan Keuntungan yang kena dibayar berhubung dengan wang modal yang membentuk Dana Amanah hendaklah pada kadar sebagaimana yang boleh diisytiharkan oleh Pemegang Amanah dengan mengambil kira keuntungan pelaburan-pelaburan tersebut. Kadar tersebut boleh disemak semula dari semasa ke semasa sebagaimana difikirkan sesuai oleh Pemegang Amanah.

17. DISCLOSURE*PENDEDAHAN*

Without prejudice to any right of the Trustee under the law to refuse disclosure of any document or information, the Trustee shall not, unless required by law, be bound to disclose to any person any document or information relating to this Trust, the Trust Fund, the Beneficiaries or any document setting forth or recording any deliberations of the Trustees as to the manner in which they have or should exercise any power or discretion, or the reasons for any particular exercise of any such power or discretion, or any other related documents including this instrument.

Tanpa menjejaskan apa-apa hak Pemegang Amanah di bawah undang-undang untuk menolak pendedahan mana-mana dokumen atau maklumat, Pemegang Amanah tidaklah, melainkan dikehendaki oleh undang-undang, terikat untuk mendedahkan kepada mana-mana orang apa-apa dokumen atau maklumat yang berhubung dengan Amanah ini, Dana Amanah, Benefisiari atau mana-mana dokumen yang menyatakan atau merekodkan apa-apa pertimbangan Pemegang Amanah mengenai cara mereka telah atau patut menjalankan mana-mana kuasa atau budi bicara, atau alasan bagi mana-mana pelaksanaan tertentu mana-mana kuasa atau budi bicara tersebut, atau apa-apa dokumen lain yang berkaitan termasuk surat cara ini.

18. VARIATION*PINDAAN*

18.1 This Trust Deed is a standardised document adopted by the Trustee in connection with the Gen Sinar policies and, subject to **Clauses 18.2 and 18.3**, shall not be amended, varied or modified in any manner.

*Surat Ikatan Amanah ini ialah dokumen piawai yang diterima pakai oleh Pemegang Amanah berhubung dengan polisi-polisi Gen Sinar dan, tertakluk kepada **Klausula-Klausula 18.2 dan 18.3**, tidak boleh dipinda, diubah atau diubah suai dalam apa jua cara.*

18.2 Notwithstanding **Clause 18.1**, the Trustee shall allow updates to the particulars of the Beneficiaries or Guardian as set out in **Schedule 1**, which shall be effected in such form and manner as the Trustee may prescribe and shall not constitute a variation of this Trust Deed.

*Walau apa pun **Klausula 18.1**, Pemegang Amanah hendaklah membenarkan pengemaskinian butiran Benefisiari atau Penjaga sebagaimana dinyatakan dalam **Jadual 1**, yang hendaklah dilaksanakan dalam bentuk dan cara sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Pemegang Amanah dan tidak membentuk suatu pindaan kepada Surat Ikatan Amanah ini.*

18.3 The Trustee may, in its sole discretion, make administrative or operational amendments that do not adversely affect the substantive rights of the Beneficiaries, and such amendments shall not render this Trust revocable or otherwise affect its irrevocable nature.

Settlor's initials/Parap Penderma: _____

Pemegang Amanah boleh, atas budi bicara tunggalnya, membuat pindaan pentadbiran atau operasi yang tidak menjejaskan secara teruk hak-hak substantif Benefisiari, dan pindaan sedemikian tidak akan menyebabkan Amanah ini boleh dibatalkan atau selainnya menjejaskan sifatnya yang tidak boleh dibatalkan.

18.4 For avoidance of doubt, any inclusion or removal of Beneficiaries by the Trustee pursuant to **Clause 5** is an administrative or operational amendment, save for any manifest error due to fraud, gross negligence or wilful misconduct on the part of the Trustee. In such a case, the Trustee is obliged to notify the Settlor, Beneficiaries and/or Guardian in writing of such changes.

*Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa kemasukan atau pembuangan Benefisiari oleh Pemegang Amanah menurut **Klausu 5** ialah suatu pindaan pentadbiran atau operasi, kecuali bagi apa-apa kesilapan nyata yang disebabkan oleh fraud, kecuaiian teruk atau salah laku sengaja di pihak Pemegang Amanah. Dalam keadaan sedemikian, Pemegang Amanah wajib memaklumkan Penderma, Benefisiari dan/atau Penjaga secara bertulis mengenai perubahan tersebut.*

19. FORCE MAJEURE

FORCE MAJEURE

The obligations of the Trustee herein shall be subject to the express condition that any act, matter or thing which the Trustee is required to perform or do then such performance shall not be required if it is rendered reasonably or practically impossible by reason of any cause beyond the Trustee's control and any Act of Force Majeure Event, which shall mean any cause affecting the performance of this Trust Deed arising from or attributed to acts, events, omissions, or accidents beyond the reasonable control of the Trustee to perform and, without limiting the generality thereof, includes (a) Strikes, lockouts or other industrial actions; (b) Civil commotion, riot, invasion, war threat or preparation of war; (c) Fire, explosion, storm, flood, earthquake, subsidence, epidemic, pandemic or other natural physical disaster; or (d) Political or governmental interference or actions with the normal operations of the Trustee.

Obligasi-obligasi Pemegang Amanah dalam ini hendaklah tertakluk kepada syarat nyata bahawa apa-apa perbuatan, perkara atau hal yang dikehendaki dilaksanakan atau dilakukan oleh Pemegang Amanah, pelaksanaan sedemikian tidaklah dikehendaki jika ia menjadi tidak munasabah atau tidak praktikal untuk dilaksanakan disebabkan apa-apa punca di luar kawalan Pemegang Amanah dan apa-apa Peristiwa Force Majeure, yang bermaksud apa-apa punca yang menjejaskan pelaksanaan Surat Ikatan Amanah ini yang timbul daripada atau disebabkan oleh tindakan, peristiwa, keingkaran, atau kemalangan di luar kawalan munasabah Pemegang Amanah untuk melaksanakan, dan tanpa menghadkan keluasan perkara tersebut, termasuk (a) mogok, sekatan kerja atau tindakan perindustrian lain; (b) kekacauan awam, rusuhan, pencerobohan, ancaman perang atau persediaan perang; (c) kebakaran, letupan, ribut, banjir, gempa bumi, penenggelaman tanah, wabak, pandemik atau bencana fizikal semula jadi yang lain; atau (d) campur tangan atau tindakan politik atau kerajaan terhadap operasi biasa Pemegang Amanah.

20. SEVERABILITY

KETERASINGAN

If any of this Trust Deed is held to be illegal, invalid or unenforceable under any present or future laws or regulation, such provisions shall be fully severable and this Trust Deed shall be construed and enforced as if such illegal, invalid, unenforceable provision had never formed part of this Trust Deed and the remaining provisions shall remain in full force and effect and shall not be affected by the invalid, illegal or unenforceable provisions by its severance from this Trust Deed.

Jika mana-mana bahagian Surat Ikatan Amanah ini dipegang sebagai menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah mana-mana undang-undang atau peraturan masa kini atau masa hadapan, peruntukan-peruntukan sedemikian hendaklah boleh diasingkan sepenuhnya dan Surat Ikatan Amanah ini hendaklah ditafsirkan dan dikuatkuasakan seolah-olah peruntukan yang menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan itu tidak pernah menjadi sebahagian daripada Surat Ikatan Amanah ini dan peruntukan-peruntukan yang

Settlor's initials/Parap Penderma: _____

selebihnya hendaklah kekal berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya serta tidak terjejas oleh peruntukan yang tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan tersebut melalui pengasingannya daripada Surat Ikatan Amanah ini.

21. GOVERNING LAW AND JURISDICTION*UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL DAN BIDANG KUASA*

This Trust Deed shall be governed by the laws of Malaysia and the Court shall have exclusive jurisdiction.

Surat Ikatan Amanah ini hendaklah dikawal oleh undang-undang Malaysia dan Mahkamah hendaklah mempunyai bidang kuasa eksklusif.

22. NOTICES*NOTIS*

22.1 Any notice or communication to be given or made under this Trust Deed shall be in writing and may be given or sent by hand or prepaid registered post to the other party at the address set out in **Section 2 and Section 3 of Schedule 1** or to such other address as either Party may give notice of to the other.

*Apa-apa notis atau komunikasi yang hendak diberikan atau dibuat di bawah Surat Ikatan Amanah ini hendaklah secara bertulis dan boleh diberikan atau dihantar secara serahan tangan atau pos berdaftar prabayar kepada pihak yang satu lagi di alamat yang dinyatakan dalam **Seksyen 2 dan Seksyen 3 Jadual 1** atau di alamat lain sebagaimana mana-mana Pihak boleh memaklumkan kepada pihak yang satu lagi.*

22.2 Any notice or communication shall be deemed to have been duly served upon and received by the addressee: -

Apa-apa notis atau komunikasi hendaklah disifatkan telah diserahkan dengan sewajarnya kepada dan diterima oleh penerima alamat:-

- (a) if delivered by hand, at the time of delivery; and
jika diserahkan secara serahan tangan, pada masa penyerahan; dan
- (b) if sent by prepaid registered post, on expiry of five (5) days after posting;
jika dihantar melalui pos berdaftar prabayar, apabila luput lima (5) hari selepas pengeposan;

22.3 All notices and communications shall be in the English language or Bahasa Malaysia.

Semua notis dan komunikasi hendaklah dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia.

23. COSTS*KOS*

The Parties acknowledge that the costs and expenses of preparing and executing this Trust Deed including all stamp duty fees have been borne by the Settlor.

Pihak-Pihak mengakui bahawa kos dan perbelanjaan penyediaan dan pelaksanaan Surat Ikatan Amanah ini termasuk semua fi duti setem telah ditanggung oleh Penderma.

24. TIME OF ESSENCE*MASA ADALAH PENTING*

Time shall be of the essence for the purpose of any provision of this Trust Deed.

Masa hendaklah menjadi asas penting bagi maksud mana-mana peruntukan Surat Ikatan Amanah ini.

Settlor's initials/Parap Penderma: _____

25. SPIRIT OF TRUST DEED

SEMANGAT SURAT IKATAN AMANAH

Each of the Parties hereto undertake with each other to do all things reasonably within its power which are necessary or desirable to give effect to the spirit and intent of this Trust Deed.

Setiap Pihak dalam ini beraku janji antara satu sama lain untuk melakukan semua perkara yang secara munasabah berada dalam kuasanya yang perlu atau dikehendaki bagi memberi kuat kuasa kepada semangat dan niat Surat Ikatan Amanah ini.

26. GOVERNING LANGUAGE

BAHASA YANG MENGATASI

This Trust Deed is executed in both the English language and Bahasa Melayu language (the latter being set out in italics). In the event of any inconsistency, conflict, discrepancy or ambiguity between the two versions, the English version shall prevail for all purposes, including interpretation and enforcement, and the Bahasa Melayu version shall be for convenience only.

Surat Ikatan Amanah ini dimetraikan dalam kedua-dua bahasa, Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu (yang terkemudian dinyatakan dalam huruf condong). Sekiranya terdapat apa-apa ketidakselarasan, konflik, percanggahan atau keaburan antara kedua-dua versi tersebut, versi Bahasa Inggeris hendaklah mengatasi bagi semua tujuan, termasuk pentafsiran dan penguatkuasaan, dan versi Bahasa Melayu hanyalah bagi kemudahan rujukan sahaja.

27. ACKNOWLEDGEMENT

PENGAKUAN

The Settlor acknowledges that he has read and understood the contents of this Trust Deed and has initialled each page as confirmation thereof.

Penderma mengakui bahawa beliau telah membaca dan memahami kandungan Surat Ikatan Amanah ini dan telah membubuhkan parap pada setiap halaman sebagai pengesahan mengenainya.

(The remainder of this page is intentionally left blank)

(Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong)

Settlor's initials/Parap Penderma: _____

TRUST DEED (Gen Sinar)

Surat Ikatan Amanah (Gen Sinar)

IN WITNESS WHEREOF this Trust Deed has been executed by the Parties on the date first written above.

PADA MENYAKSIKANNYA DI SINI Surat Ikatan Amanah ini telah ditandatangani/dimeterai oleh Pihak-Pihak pada tarikh yang mula-mula ditulis di atas.

SETTLOR/PENDERMA

SIGNED by the **SETTLOR**)
in the presence of)
DITANDATANGANI oleh)
PENDERMA di hadapan)

Saksi/Witness :

.....
(Signature/Tandatangan)

.....
(Signature/Tandatangan)

(Name>Nama)

(Name>Nama)

(NRIC No./No. Kad Pengenalan)

(NRIC No./No. Kad Pengenalan)

TRUSTEE/PEMEGANG AMANAH

THE COMMON SEAL of)
AMANAHA RAYA BERHAD)
was hereunto affixed)
in the presence of)
METERAI RASMI bagi)
AMANAHA RAYA BERHAD)
di hadapan)

Authorized Signatory / *Penandatangan Diberi Kuasa* :

.....

.....

SCHEDULE 1
JADUAL 1

(which is to be taken, read and construed as an integral part of this instrument)
(yang hendaklah diambil, dibaca dan ditafsirkan sebagai sebahagian yang tidak terpisah daripada surat cara ini)

Section <i>Seksyen</i>	Item <i>Butiran</i>	Particulars <i>Maklumat</i>
1.	Day and year of this Trust Deed <i>Hari dan tahun Surat Ikatan Amanah ini</i>	
2.	Name and description of the SETTLOR <i>Nama dan keterangan PENDERMA</i>	Name/ <i>Nama</i> <input type="text"/> NRIC No./ <i>No. Kad Pengenalan</i> <input type="text"/> Address/ <i>Alamat</i> <input type="text"/> H/P No. / <i>No. Tel Bimbit</i> <input type="text"/> Email/ <i>Emel</i> <input type="text"/>
3.	Business address of the TRUSTEE <i>Alamat perniagaan PEMEGANG AMANAH</i>	Amanah Raya Berhad (Company No./ <i>No. Syarikat</i> : 199501015784 [344986-V]) Trust Administration Department <i>Jabatan Pentadbiran Amanah</i> Level 57, Vista Tower The Intermark 348, Jalan Tun Razak 50400 Kuala Lumpur (Tel) +603-20557388/8680/7200 (Email) rosmaidar@arb.com.my / TRUST@arb.com.my
4.	Policy Number <i>Nombor Polisi</i>	

Settlor's initials/*Parap Penderma*: _____

5.	Trust Asset <i>Aset Amanah</i>	Education Allowance Benefit under the Policy with a fixed value of Ringgit Malaysia One Hundred Thousand (RM100,000-00). <i>Manfaat Elaun Pendidikan di bawah Polisi dengan nilai tetap Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu (RM100,000-00).</i>
6	Monthly Payment <i>Bayaran Bulanan</i>	RM250-00 (Ringgit Malaysia Two Hundred and Fifty only) per Beneficiary <i>RM250-00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh sahaja) bagi setiap Benefisiari</i>
7.	Name and description of the Guardian <i>Nama dan keterangan Penjaga</i>	<p>Name/<i>Nama</i></p> <input data-bbox="624 528 1370 595" type="text"/> <p>NRIC No./<i>No. Kad Pengenalan</i></p> <input data-bbox="624 663 1370 730" type="text"/> <p>Relationship with Settlor/<i>Hubungan dengan Penderma</i></p> <input data-bbox="624 797 1370 864" type="text"/> <p>Address/<i>Alamat</i></p> <input data-bbox="624 931 1370 1155" type="text"/> <p>H/P No. /<i>No. Tel Bimbit</i></p> <input data-bbox="624 1223 1370 1290" type="text"/> <p>Email/<i>Emel</i></p> <input data-bbox="624 1357 1370 1424" type="text"/> <p>In the alternative/ <i>Sebagai alternatif:-</i></p> <p>Name/<i>Nama</i></p> <input data-bbox="624 1536 1370 1603" type="text"/> <p>NRIC No./<i>No. Kad Pengenalan</i></p> <input data-bbox="624 1671 1370 1738" type="text"/> <p>Relationship with Settlor/<i>Hubungan dengan Penderma</i></p> <input data-bbox="624 1805 1370 1872" type="text"/> <p>Address/<i>Alamat</i></p> <input data-bbox="624 1939 1370 2007" type="text"/>

Settlor's initials/*Parap Penderma:* _____

		<div style="border: 1px solid black; height: 60px; margin-bottom: 5px;"></div> <p>H/P No. /No. Tel Bimbit</p> <div style="border: 1px solid black; height: 25px; margin-bottom: 5px;"></div> <p>Email/Emel</p> <div style="border: 1px solid black; height: 25px;"></div>																					
8.	<p>Name and description of the Beneficiaries <i>Nama dan keterangan Benefisiari</i></p>	<p>No. of children as at the date of this Trust Deed <i>Bilangan anak setakat tarikh Surat Ikatan Amanah ini</i></p> <div style="border: 1px solid black; height: 25px; margin-bottom: 10px;"></div> <p>Children's Details* <i>Butiran anak-anak</i></p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 33%;">Name <i>Nama</i></th> <th style="width: 33%;">NRIC No. <i>No. Kad Pengenalan</i></th> <th style="width: 33%;">Address <i>Alamat</i></th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td></tr> </tbody> </table> <p><i>*If the space provided is insufficient, please use a separate sheet of paper. Sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi, sila gunakan helaian kertas berasingan.</i></p>	Name <i>Nama</i>	NRIC No. <i>No. Kad Pengenalan</i>	Address <i>Alamat</i>																		
Name <i>Nama</i>	NRIC No. <i>No. Kad Pengenalan</i>	Address <i>Alamat</i>																					

Settlor's initials/Parap Penderma: _____

APPENDICES
LAMPIRAN

REF RUJ	DOCUMENT ** DOKUMEN
A	Policy <i>Polisi</i>
B	Absolute Assignment Form <i>Borang Penyerahhakan Mutlak</i>
C	NRIC of the Settlor <i>Kad Pengenalan Penderma</i>
D	NRIC of the Guardian <i>Kad Pengenalan Penjaga</i>
E	Marriage Certificate of Settlor and spouse <i>Sijil Perkahwinan Penderma dan pasangan</i>
F	Birth Certificates and/or NRIC of the Beneficiaries <i>Sijil Kelahiran dan/atau Kad Pengenalan Benefisiari-Benefisiari</i>

** Please mark the top right-hand corner of each annexure with its corresponding annexure reference.
Sila tandakan penjuru kanan atas setiap lampiran dengan rujukan lampiran berkenaan.

Settlor's initials/*Parap Penderma*: _____